

FI & CAJ KAD KREDIT UOB

Caj Kewangan	Peringkat	Setahun (%)	Kadar Kelayakan
(i) Transaksi Runcit (Berkuatkuasa 1 Mei 2012)	Peringkat 1	15%	Anda segera menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar sebelum Tarikh Akhir Pembayaran bagi 12 bulan terakhir berturut-turut.
	Peringkat 2	17%	Anda segera menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar sebelum Tarikh Akhir Pembayaran bagi sekurang-kurangnya 10 daripada 12 bulan terakhir berturut-turut.
	Peringkat 3	18%	Anda tidak tergolong dalam Peringkat 1 atau 2.
(ii) Pendahuluan Tunai		18%	Faedah Harian dikira berdasarkan jumlah Pendahuluan Tunai
(ii) Fi Pendahuluan Tunai			5.3%* dari jumlah pengeluaran atau yang paling minimum RM21.20*, mengikut mana fi bayaran yang lebih tinggi, bagi setiap transaksi Pendahuluan Tunai.
Bayaran Minimum Perlu Dibayar (bulanan)			5% daripada baki tertunggak atau RM50.00 (mengikut mana lebih tinggi).
Caj Bayaran Lewat (Berkuatkuasa 1 April 2015)			Bayaran yang paling minimum RM10.00 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak tidak termasuk Caj Kewangan dan fi pada Tarikh Penyata (mengikut mana yang lebih tinggi), tertakluk kepada maksimum RM100.
Tempoh Tanpa Faedah			20 hari dari Tarikh Penyata dan adalah berkenaan jika pembayaran penuh dibuat sebelum Tarikh Akhir Pembayaran. Jika pembayaran sebahagian dibuat, caj kewangan bagi transaksi runcit akan dikira dari tarikh transaksi dimasukkan dalam Akaun Kad Kredit.
Penukaran bagi Transaksi Luar Negara			Jika anda menggunakan Kad Kredit untuk transaksi dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, ia akan ditukar melalui Visa / MasterCard International pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa / Mastercard International pada masa transaksi tersebut dicatatkan. Di samping itu kos pentadbiran sebanyak 1% atau kadar lain yang ditentukan oleh kami untuk penukaran transaksi yang dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia akan dikenakan kepada anda.

Fi <i>Dynamic Currency Conversion (DCC)</i>	<p>Dynamic Currency Conversion (“DCC”) adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga di luar negara tertentu untuk memberikan anda pilihan untuk membayar perbelanjaan mata wang asing (termasuk perbelanjaan luar negara dan perbelanjaan dalam talian) dengan Kad Kredit anda dalam Ringgit Malaysia pada masa jualan.</p> <p>Kadar pertukaran untuk DCC akan ditentukan oleh peniaga luar negara tertentu. Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih untuk membayar menggunakan perkhidmatan DCC, kadar pertukaran yang digunakan oleh peniaga yang berkenaan mungkin lebih tinggi daripada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa/ MasterCard International apabila anda membayar dalam mata wang asing. Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua perkara di atas apabila membuat keputusan sama ada untuk menggunakan perkhidmatan DCC.</p> <p>Berkuatkuasa 1 Mei 2016: Semua perbelanjaan mata wang asing yang ditukar melalui perkhidmatan DCC akan dikenakan fi DCC sebanyak 0.848%* atas jumlah Ringgit Malaysia yang diurusniagakan/ditukar, sebagai fi/ caj yang dikenakan oleh Visa/ MasterCard International atas perbelanjaan tersebut.</p>
Credit Shield	RM0.65 setiap RM100.00 baki tunggak.
Penggantian Kad Fi	RM50.00 setiap Penggantian Kad.
Kurier Kad Kredit / Fi Penghantaran bagi Penebusan Hadiah & Keistimewaan Item Beli-belah (setiap item)	<p>RM15.90* – Di Dalam Malaysia.</p> <p>RM50.00 – Di Luar Malaysia.</p>
Salinan Semula Perjanjian Jualan	RM5.30* setiap fotokopi dan RM15.90* setiap salinan asal.
Permohonan Penyata Kad Kredit	<p>RM5.30* – permintaan datang sendiri atau melalui faks.</p> <p>RM6.36* – melalui surat.</p>

Pemulangan	RM0.15 – Duti Setem.
Baki Kredit	RM 2.12* – Komisen.

*Termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 6%.

PERJANJIAN AHLI KAD VISA / MASTERCARD

Berkuatkuasa mulai 30 Ogos 2017

NOTIS PENTING

1. Sila baca terma dan syarat dalam Perjanjian ini sebelum mengakui penerimaan dan/atau menggunakan Kad Kredit.
2. Apabila anda menurunkan tandatangan pada Kad Kredit atau menggunakan Kad Kredit buat pertama kali, anda dianggap telah membaca, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

TERMA DAN SYARAT

Pengeluaran Kad Kredit oleh kami kepada anda, pengakuan terima Kad Kredit oleh anda, dan penggunaan Kad Kredit oleh anda, adalah tertakluk kepada terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

1. TAKRIFAN DAN TAFSIRAN

- 1.1. Perkataan dan ungkapan berikut yang digunakan dalam Perjanjian ini mempunyai makna berikut:

“ATM” – mesin juruwang automatik.

“Kad ATM” – Kad yang dikeluarkan oleh kami untuk digunakan di ATM.

“Outlet Tunai Dibenarkan” – Mana-mana cawangan, pejabat, lokasi atau peniaga, di dalam atau di luar Malaysia yang kami lantik atau mana-mana ahli gabungan Visa/MasterCard International untuk menyediakan kemudahan pengeluaran wang tunai.

“Peniaga Dibenarkan” – Mana-mana individu atau peruncit yang bersetuju, menurut perjanjian peniaga, untuk menerima atau menyebabkan outletnya menerima Kad Kredit bagi pembayaran barangan atau perkhidmatan.

“Pemindahan Baki” – Pemindahan baki tertunggak dari akaun kad kredit anda dengan pengeluaran kad kredit lain kepada Akaun Kad Kredit anda.

“Hari Perniagaan” – Mana-mana hari bank dibuka untuk perniagaan.

“Pusat Panggilan” – Tempat atau lokasi yang ditetapkan bagi menyediakan perkhidmatan perbankan telefon yang ditawarkan oleh kami kepada anda bagi membolehkan anda mengakses Akaun Kad Kredit anda dan/atau melaksanakan sebarang transaksi atau pertanyaan lain yang berhubung dengan Kad Kredit dan Akaun Kad Kredit anda.

“Ahli Kad” atau "anda" – Individu di mana Kad Kredit telah dikeluarkan kepada beliau, sama ada beliau merupakan pemegang kad utama atau ahli kad tambahan.

“Transaksi Tanpa Kad” – Transaksi yang dilaksanakan tanpa menyerahkan Kad Kredit secara fizikal di tempat jualan seperti transaksi E-Dagang (dalam talian), Pesanan Pos dan Pesanan Melalui Telefon (MOTO).

“Pendahuluan Tunai” – Wang tunai yang diperolehi daripada Akaun Kad Kredit menggunakan Kad Kredit.

“Draf Pengeluaran Tunai” – Dokumen/slip yang diberi oleh kami atau mana-mana sekutu Visa/MasterCard International kepada Kedai Tunai yang Dibenarkan bagi merekodkan pengeluaran tunai menggunakan Kad Kredit.

“Terminal Cip” – Suatu terminal transaksi, dan di mana berkenaan, yang dilengkapi dengan pembaca tanpa sentuh yang mampu membaca, berkomunikasi dan memproses transaksi menggunakan Kad Kredit.

“Kad Kredit” – Mana-mana kad kredit dengan penjenamaan Visa/MasterCard International yang kami keluarkan kepada anda, termasuk pertalian, jenama bersama dan kad kredit tanpa sentuhan, kad yang dikeluarkan berkaitan dengan pihak ketiga, atau kad yang dikeluarkan di bawah sebarang produk atau nama terpilih atau rujukan.

“Akaun Kad Kredit” – Akaun anda yang dibuka dengan kami dan diselenggarakan oleh kami untuk pendebitan nilai segala pembelian barangan atau perkhidmatan, Pendahuluan Tunai dan segala transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Kredit, dan segala fi dan caj yang berkaitan.

“Had Kredit” – Amaun maksimum (ditetapkan oleh kami pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlak kami) yang dibenarkan tertunggak dalam Akaun Kad Kredit anda, atau beberapa akaun dalam hal had kredit tergabung.

“*Dynamic Currency Conversion*” atau “DCC” - perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga di luar negara tertentu untuk memberikan anda pilihan untuk membayar perbelanjaan mata wang asing (termasuk perbelanjaan luar negara dan perbelanjaan dalam talian) dengan Kad Kredit anda dalam Ringgit Malaysia pada masa jualan.

“ePenyata” –Penyata elektronik yang tersedia untuk semakan menerusi Perbankan Internet Peribadi UOB Ahli Kad setelah anda mendaftar untuk perkhidmatan ePenyata Kad Kredit.

“Caj Kewangan” – Caj-caj sepertimana diperincikan dalam Fasal 11.

“Tempoh Tanpa Faedah” – 20 hari dari Tarikh Penyata dan adalah berkenaan jika anda membuat pembayaran penuh sebelum Tarikh Tarikh Pembayaran. Jika pembayaran sebahagian dibuat, caj kewangan bagi Transaksi Runcit akan dikira dari tarikh Transaksi Runcit dimasukkan dalam Akaun Kad Kredit.

“Proses Undang-Undang” – Mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mana-mana proses pemula yang termasuk writ saman dan saman pemula dan apa-apa bentuk proses pemulaan, rayuan, permohonan interlokutori, affidavit, perintah, penghakiman, notis dan apa-apa dokumen lain yang perlu dikemukakan di bawah sebarang undang-undang bertulis dan notis sedemikian di bawah Akta Kebankrapan 1967.

“Bayaran Minimum Perlu Dibayar” – Bayaran minimum yang anda perlu bayar, sepertimana dinyatakan dalam Penyata Akaun.

“OTP” – Kata laluan sekali.

“Kod laluan” – Kata laluan atau kod yang digunakan untuk mengesahkan identiti anda atau membenarkan sesuatu Transaksi Runcit menggunakan Kad Kredit. Kod laluan akan merangkumi kata laluan, OTP dan PIN dan termasuk apa-apa kod laluan lain yang kami mungkin keluarkan dari semasa ke semasa.

“PIN” – Kata laluan 6-digit yang dipilih oleh anda.

“Tarikh Akhir Pembayaran” – Tarikh akhir yang ditetapkan dalam Penyata Akaun, iaitu berakhirnya 20 hari dari Tarikh Penyata.

“Data Peribadi” – Ini boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butir-butir peribadi, maklumat yang diperoleh pada system keselamatan (termasuk rakaman imej anda dalam TV Litar Tertutup (CCTV), maklumat yang terkandung dalam Akaun Kad Kredit yang anda pegang sama ada secara tunggal atau bersama dengan

mana-mana orang lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda langgani dengan kami dan data lain yang diperlukan mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami.

“Transaksi Runcit” – Segala transaksi untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan menggunakan Kad Kredit.

“Draf Jualan” – Dokumen yang diberi oleh kami atau mana-mana ahli gabungan Visa/MasterCard International kepada Peniaga Dibenarkan untuk merekodkan pembelian barangan menggunakan Kad Kredit.

“Penyata Akaun” – Salinan penyata dalam bentuk fizikal yang akan kami keluarkan kepada anda setiap bulan atau atas permintaan anda atau ePenyata bulanan yang tersedia untuk semakan menerusi Perbankan Internet Peribadi UOB Ahli Kad, yang menunjukkan jumlah baki tertunggak di bawah Akaun Kad Kredit, dan pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, pengeluaran wang tunai, transaksi, fi dan caj yang dikenakan dan apa-apa transaksi lain yang dilaksanakan menggunakan Kad Kredit.

“Tarikh Penyata” – Tarikh Penyata Akaun.

“UOBM”, atau “kami” – United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) yang mempunyai alamat berdaftar di Aras 11, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dan cawangan-cawangannya di Malaysia.

“Tempoh Sah” – Tempoh yang dinyatakan pada Kad Kredit.

“Visa/MasterCard International” – Visa International Service Association dan MasterCard International Inc.

1.2. Rujukan kepada:–

- a) Bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan begitu juga sebaliknya;
- b) Jantina maskulin meliputi genus feminin dan jantina neutral, dan begitu juga sebaliknya;
- c) Seseorang meliputi individu, suatu perkongsian, badan korporat, pertubuhan tak diperbadankan, kerajaan, negeri, agensi negeri, dan badan amanah;
- d) Seseorang meliputi wasi, pentadbir, pengganti dan pemegang serah hak orang itu, dan Perjanjian ini mengikat orang-orang tersebut; dan

- e) “meliputi” atau “sebagai contoh” (atau perkataan lain yang serupa) apabila menyebut sesuatu contoh tidaklah membatasi makna perkataan bagi contoh tersebut.

2. CARIAN DAN KAD KREDIT

- 2.1. Kami boleh, tetapi tidak diwajibkan melakukan carian kebangkrapan atau carian berkaitan kredit dengan mana-mana agensi/penyedia rujukan kredit atau agensi pelapor kredit, pangkalan data atau sistem mengenai anda sebelum dan pada bila-bila masa selepas Kad Kredit dikeluarkan.
- 2.2. Anda memberi keizinan kepada kami untuk menjalankan carian tersebut ke atas anda setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 2.3. Kami akan menghantar Kad Kredit (dan Kad Kredit gantian) kepada alamat anda yang kali terakhir diberi kepada kami. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan, liabiliti, kehilangan, atau kerosakan jika Kad Kredit itu tidak sampai ke tangan anda atas apa jua sebab sekalipun. Apabila anda menerima Kad Kredit itu anda hendaklah menandatangani bahagian jalur tandatangan.
- 2.4. Anda tidak boleh menggunakan Kad Kredit (termasuk sebarang Kad Kredit tambahan) untuk apa-apa tujuan sekalipun, dan mesti memotong Kad Kredit kepada dua bahagian dengan serta-merta apabila mana-mana daripada yang berikut berlaku:-
 - a) jika anda tidak bersetuju dengan kandungan terma dan syarat dalam Perjanjian ini;
 - b) apabila tamat Tempoh Sah;
 - c) pada pembatalan atau penamatan Kad Kredit anda;
 - d) pada permintaan anda untuk Kad Kredit gantian;
 - e) pada pembatalan, penamatan atau penarikan balik Kad Kredit oleh kami;
 - f) pada pemulangan Kad Kredit selepas pemberitahuan mengenai kehilangan atau kecuriannya;
 - g) jika Kod laluan didedahkan atau terdedah, secara sukarela atau sebaliknya, kepada mana-mana individu; atau
 - h) jika anda tidak mengingati Kod laluan anda.
- 2.5. Setelah kami menggantung Kad Kredit, anda dilarang menggunakan Kad Kredit untuk apa jua tujuan. Anda hanya boleh menggunakan Kad Kredit setelah kami memberitahu anda bahawa penggantungan Kad Kredit itu telah ditarik balik.
- 2.6. Pada setiap masa Kad Kredit tetap menjadi hak milik kami dan mestilah dikembalikan kepada kami apabila diminta.
- 2.7. Kad Kredit tidak boleh dipindah milik kepada orang lain, dan mestilah digunakan selaras dengan terma-terma dan syarat dalam Perjanjian ini, dan segala kehendak, arahan, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh kami, Visa/MasterCard International, Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang lain.

3. FUNGSI KAD KREDIT

- 3.1. Kad Kredit boleh digunakan untuk apa-apa perkhidmatan yang kami sediakan untuk apa jua tujuan yang kami luluskan, termasuk tetapi tidak terbatas kepada:
- a) membeli barangan dan/atau perkhidmatan daripada Peniaga Dibenarkan secara kredit yang dicaj kepada Akaun Kad Kredit anda;
 - b) mengeluarkan wang tunai daripada Akaun Kad Kredit anda di mana-mana Outlet Tunai Dibenarkan dan/atau ATM yang ditetapkan;
 - c) melakukan Transaksi Tanpa Kad: atau
 - d) kemudahan dan perkhidmatan lain yang telah terlebih dahulu diaturkan dengan dan diluluskan oleh kami.
- 3.2. Penggunaan Kad Kredit adalah tertakluk kepada Had Kredit yang diperuntukkan kepada anda.
- 3.3. Sebarang transaksi ATM akan dianggap Pendahuluan Tunai dan akan tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini.

4. MENGGUNAKAN KAD KREDIT

- 4.1. Anda bersetuju dan beraku janji untuk mengambil langkah munasabah untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad Kredit, seperti berikut:-
- a) tidak sekali-kali meninggalkan Kad Kredit tak berjaga di dalam kereta dan/atau di tempat awam;
 - b) memastikan Kad Kredit dikembalikan kepada anda selepas selesai apa-apa transaksi di Outlet Tunai Dibenarkan atau Peniaga Dibenarkan;
 - c) tidak sekali-kali memberi pinjam Kad Kredit anda kepada sesiapa jua oleh kerana Kad Kredit anda adalah khusus untuk penggunaan anda.
 - d) simpanlah Kad Kredit anda yang tidak digunakan di tempat yang selamat jika anda mempunyai lebih daripada satu (1) Kad Kredit; atau
 - e) musnahkan Kad Kredit dengan betul dengan cara mengerat melintang jalur magnet dan cip jika sekiranya anda ingin membatalkan Kad Kredit itu dan mengembalikannya kepada kami.

Secepat yang mungkin anda hendaklah memberitahu kami di Pusat Kad kami dan mematuhi kehendak-kehendak yang disebut dalam Fasal 15.1 dan 15.2 dalam Perjanjian ini jika Kad Kredit anda hilang atau dicuri.

- 4.2. Untuk menggunakan Kad Kredit bagi melakukan pembelian kredit dari Pedagang yang Dibenarkan, anda secara amnya perlu memasukkan PIN anda ke dalam Terminal Cip dan/atau menandatangani Draf Jualan yang disediakan oleh Pedagang yang Dibenarkan, melainkan jika pembelian dilakukan melalui pesanan pos atau telefon, terminal layan diri, Terminal Cip dengan pembaca tanpa sentuh, internet atau apa-apa cara yang sama. Untuk transaksi tanpa sentuhan,

Pedagang yang Dibenarkan tidak perlu memberikan anda draf jualan bagi transaksi yang dilengkapkan kecuali anda memintanya.

- 4.3. Untuk menggunakan Kad Kredit bagi melakukan pengeluaran tunai daripada Kedai Tunai yang Dibenarkan, anda mesti memasukkan PIN anda ke dalam Terminal Cip dan/atau menandatangani Draf Pengeluaran Tunai yang disediakan oleh Kedai Tunai yang Dibenarkan.
- 4.4. Jika anda ingin menggunakan Kad Kredit untuk pembayaran berkenaan dengan transaksi internet, anda mesti mendaftar untuk perkhidmatan “MasterCard® Secure Code™” atau “Verified by Visa” (“Perkhidmatan”) di laman web kami (www.uob.com.my) atau laman web lain sedemikian yang mungkin dimaklumkan kepada anda. Dengan mendaftar untuk Perkhidmatan ini, anda akan dianggap telah bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat Perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam laman web berkenaan. Anda secara amnya perlu memasukkan OTP yang diterima melalui telefon bimbit anda untuk melengkapkan pembayaran bagi transaksi internet tersebut.
- 4.5. Segala pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat, apa-apa pengeluaran ATM dan apa-apa transaksi lain yangt dilakukan menggunakan Kad Kredit akan didebitkan kepada Akaun Kad Kredit.
- 4.6. Anda masih bertanggungjawab terhadap kami bagi transaksi apabila anda tidak mendapatkan atau menandatangani Draf Jualan dan/atau Draf Pengeluaran Tunai, jika kami menetapkan bahawa pengabaian atau peninggalan itu adalah disebabkan oleh sifat transaksi itu, atau oleh kealpaan di pihak anda, Peniaga Dibenarkan, atau Outlet Tunai Dibenarkan.
- 4.7. Kami boleh pada budi bicara mutlak kami membuat keputusan untuk tidak menjelaskan Transaksi Runcit yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Kredit jika terdapat:-
 - a) kesilapan, kerosakan, kegagalan atau gangguan dalam penyediaan perkhidmatan ATM atau di dalam sistem atau peralatan kami untuk apa-apa sebab di luar kawalan kami atau untuk apa-apa sebab;
 - b) masalah mekanikal atau kepincangan tugas untuk terminal atau peralatan di Pedagang yang Dibenarkan atau Kedai Tunai yang Dibenarkan bagi mana-mana ATM atau kedai tunai perkhidmatan lain disebabkan oleh gangguan bekalan elektrik atau apa-apa sebab di luar kawalan kami;
 - c) kesilapan di pihak kami;
 - d) penggunaan atau percubaan untuk menggunakan Kad Kredit untuk Transaksi Runcit yang melebihi Had Kredit;

dan anda bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab ke atas keenggan sedemikian atau untuk sebarang kesulitan, kecederaan, kerugian atau ganti rugi yang anda mungkin alami secara langsung atau tidak langsung akibat daripada keenggan kami untuk menjelaskan Transaksi Runcit tersebut.

- 4.8. Tanpa mengambil kira Klausula 4.7 di atas, kami boleh menolak untuk menjelaskan Transaksi Runcit yang dilakukan menggunakan Kad Kredit untuk apa-apa sebab yang kami anggap sesuai dan anda bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab ke atas keengganan sedemikian atau untuk sebarang kesulitan, kecederaan, kerugian atau ganti rugi yang anda mungkin alami secara langsung atau tidak langsung akibat daripada keengganan kami untuk menjelaskan Transaksi Runcit tersebut.

5. KAD KREDIT TAMBAHAN

- 5.1. Jika dimohon secara bersama oleh anda dan orang yang anda namakan, kami boleh, atas budi bicara mutlak, mengeluarkan Kad Kredit tambahan kepada orang tersebut (“Ahli Kad Tambahan”).
- 5.2. Liabiliti Ahli Kad tambahan terbatas kepada caj yang dikenakan kerana menggunakan Kad Kredit tambahan.
- 5.3. Ahli Kad tambahan bersetuju bahawa semua terma dan syarat Perjanjian (termasuk apa-apa pindaan dari semasa ke semasa) ini akan berkuatkuasa terhadap dirinya juga.
- 5.4. Anda, selaku Ahli Kad utama, akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan kerana menggunakan Kad Kredit dan apa-apa Kad Kredit tambahan.
- 5.5. Jika anda memohon, kami boleh memberi kelulusan untuk Ahli Kad Tambahan mengakses mana-mana akaun anda yang ada dengan kami. Anda juga perlu menyebut sama ada pemegang kad tambahan itu boleh diberi akses kepada akaun melalui ATM.
- 5.6. Kad Kredit tambahan yang dikeluarkan kepada Ahli Kad tambahan boleh ditamatkan atas permintaan anda. Pembatalan tersebut tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan, kewajipan dan obligasi kami, anda, dan Ahli Kad tambahan yang timbul sebelum pembatalan.
- 5.7. Permintaan anda menurut Fasal 5.6 mestilah dibuat secara bertulis dan Fasal 16 Perjanjian ini akan dikuatkuasakan dalam hal ini.

6. KOD LALUAN DAN KERAHSIAAN KOD LALUAN PIN

- 6.1. Apabila anda menerima Kad Kredit baru atau gantian anda, anda perlu mengaktifkan Kad Kredit anda dengan mewujudkan PIN anda. Anda boleh mewujudkan PIN anda dengan menggunakan perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi UOB atau melalui saluran maklum balas suara interaktif kami. Arahan boleh didapati di <http://www1.uob.com.my/pin/> di bawah tab ‘Mwujudkan PIN Anda’.
- 6.2. Anda boleh menukar PIN anda pada bila-bila masa. Proses untuk menggantikan PIN anda adalah sama dengan proses mewujudkan PIN anda seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6.1 di atas.
- 6.3. Jika PIN anda didedahkan atau terdedah, secara sukarela atau sebaliknya, kepada mana-mana individu, anda mesti menggantikan PIN sedia ada anda dengan serta-merta dan memaklumkan Pusat Panggilan kami untuk mengelakkan berlakunya sebarang transaksi tanpa kebenaran. Proses untuk menggantikan PIN anda adalah sama dengan proses mewujudkan PIN anda seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6.1 di atas.

- 6.4. Anda perlu mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk memastikan dan mencegah sebarang penggunaan tanpa kebenaran dan/atau penipuan Kod laluan anda pada setiap masa dan untuk menyimpan telefon bimbit anda yang menerima OTP dengan selamat apabila anda melakukan Transaksi Runcit. Anda bersetuju bahawa Kod laluan anda adalah sulit dan berjanji untuk tidak menunjukkan atau mendedahkannya atau menyebabkan Kod laluan anda untuk didedahkan atau terdedah dalam apa-apa cara sekalipun kepada mana-mana individu melalui panggilan telefon yang tidak diminta, e-mel atau dalam mana-mana laman web lain selain dari laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau apa-apa cara lain. Anda perlu menghafal Kod laluan anda dan memastikan bahawa tiada rekod bertulis mengenai Kod laluan anda disimpan di mana-mana tempat atau atas apa-apa yang berhampiran dengan Kad Kredit anda atau dalam apa-apa cara yang mungkin membolehkan pihak ketiga untuk mengakses atau menggunakan Kod laluan anda. Anda tidak boleh menggunakan Kod laluan yang lazim, iaitu seperti nombor kad pengenalan, pasport, lesen, tarikh lahir atau nombor hubungan anda. Anda bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat ini boleh mendedahkan anda kepada risiko kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit, di mana anda akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan dan caj yang ditanggung di bawah Akaun Kad Kredit, sama ada anda mengetahui atau membenarkan transaksi atau caj tersebut atau tidak.
- 6.5. Jika anda mengesyaki atau menyedari, sama ada melalui pemberitahuan transaksi perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) daripada kami berhubung dengan transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad Kredit anda atau sebaliknya, bahawa:-
- a) seseorang yang tidak dibenarkan mengetahui Kod laluan anda; atau
 - b) terdapat akses yang tidak dibenarkan bagi Kad Kredit anda, Akaun Kad Kredit, atau penggunaan Kod laluan anda; atau
 - c) Kad Kredit anda hilang atau dicuri; atau
 - d) terdapat transaksi yang tidak dibenarkan dalam Akaun Kad Kredit anda;
- anda mesti memaklumkan kami di Pusat Panggilan kami dengan serta-merta dan mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Klausula 15.1 dan 15.2 Perjanjian ini dan memotong Kad Kredit kepada dua bahagian serta memusnahkan cip mengikut Klausula 2.4 Perjanjian ini. Anda juga mesti memberi kami sebarang maklumat yang berkenaan dan bantuan yang sewajarnya untuk menyiasat perkara ini.
- 6.6. Anda akan bertanggungjawab untuk sebarang kejadian transaksi tanpa kebenaran yang dikaitkan dengan Kod laluan yang dicuri atau disalahgunakan, melainkan anda telah memaklumkan kami mengikut Klausula 6.5 atau anda tidak melakukan penipuan.
- 6.7. Sebaik sahaja anda memaklumkan kami dan mematuhi keperluan dalam Klausula 6.5, kami boleh, atas permintaan anda dan pada budi bicara mutlak kami, menggantikan Kad Kredit dan mengeluarkan semula Kad Kredit yang baru kepada anda dengan pengenaan caj.

7. TRANSAKSI MENYALAH UNDANG-UNDANG

Anda bertanggungjawab untuk menggunakan Kad Kredit dengan cara yang bertanggungjawab. Anda tidak boleh menggunakan Kad Kredit untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada pertaruhan haram dalam talian dan/atau aktiviti perjudian. Walaupun kami berhak untuk tidak meluluskan sebarang transaksi Kad Kredit yang kami mengesyaki telah menyalahi undang-undang, anda bersetuju bahawa kami tidak boleh dipertanggungjawabkan dan/atau diwajibkan untuk memantau dan menyekat penggunaan Kad Kredit untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Kami boleh menamatkan penggunaan Kad Kredit jika kami mengesyaki bahawa anda telah menggunakan Kad Kredit untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Kami juga boleh meminta maklumat daripada anda dan anda bersetuju bahawa anda akan memberikan maklumat yang diminta kepada kami dengan segera. Tanpa mengira yang di atas, anda akan terus bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar jumlah yang perlu dibayar kepada kami berkenaan transaksi sedemikian dan anda tidak akan menggunakan ini sebagai alasan untuk tidak menyelesaikan pembayaran sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada kami.

8. AKAUN KAD KREDIT

- 8.1. Lazimnya kami akan menghantar Penyata Akaun bulanan (bagi akaun aktif sahaja) kepada anda. Jika anda telah berjaya mendaftar untuk Perkhidmatan ePenyata, penyata tidak akan dihantar kepada anda. Walaupun anda telah mendaftar untuk Perkhidmatan ePenyata, namun salinan cetakan Penyata Akaun masih boleh dihantar kepada anda atas permintaan anda dengan syarat membayar bayaran caj semasa kepada kami.
- 8.2. Anda hendaklah menyimpan salinan semua Draf Jualan atau apa-apa dokumen lain yang mengesahkan atau menjadi bukti pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, apa-apa Pengeluaran Tunai dan apa-apa transaksi lain menggunakan Kad Kredit untuk dibandingkan dengan catatan dalam Penyata Akaun. Bagi transaksi tanpa sentuhan, anda hendaklah mendapatkan dan menyimpan Draf Jualan daripada Peniaga Dibenarkan sebaik saja selesai transaksi itu.
- 8.3. Setelah menerima Penyata Akaun, anda mestilah memastikan semua catatan dalam Penyata Akaun adalah betul. Jika anda fikir terdapat kesilapan pada:
 - a) penentusahan dan rekod tersebut, anda mestilah memberitahu kami melalui surat secepat yang mungkin setelah menerima penentusahan dan rekod tersebut;
 - b) Penyata Akaun anda, anda mestilah memberitahu kami melalui surat secepat yang mungkin tetapi tidak lewat daripada 14 hari dari Tarikh Penyata;dan anda mestilah memberi apa-apa maklumat berkaitan dan bantuan munasabah kepada kami dalam penyiasatan perkara ini. Jika tidak berbuat demikian, Penyata Akaun itu akan dianggap betul dan bukti muktamad terhadap diri anda dan anda akan dianggap telah

menepikan apa-apa hak anda untuk membangkitkan bantahan terhadap catatan dalam Penyata Akaun. Anda akan terikat dengannya dan bertanggungjawab terhadap segala amaun yang dinyatakan dalam Penyata Akaun. Walau apa pun dinyatakan sebaliknya dalam Perjanjian ini, jika kami, kerana apa jua sebab, termasuk apa-apa kelulusan silap yang diberi atau apa-apa kesilapan di pihak kami, menyalahkreditkan apa-apa amaun ke dalam Akaun Kad Kredit atau menyalahdebitkan apa-apa amaun daripada Akaun Kad Kredit, anda bersetuju bahawa kami mempunyai budi bicara mutlak untuk membuat apa-apa pelarasan atau pembedahan kepada Akaun Kad Kredit dan/atau Penyata Akaun.

- 8.4. Jika anda memberitahu kami mengenai apa-apa kesilapan catatan Penyata Akaun melalui surat secepat yang mungkin tidak lewat daripada 14 hari dari Tarikh Penyata:
- a) Anda tetap terikat dengan lain-lain butiran dalam Penyata yang tidak terjejas oleh kesilapan yang dikatakan itu;
 - b) Kami akan menyiasat kesilapan yang dikatakan itu, dan sekiranya hasil penyiasatan menunjukkan atau mendedahkan bahawa tidak berlaku kesilapan, maka anda akan terikat dengan butir-butir kandungan Penyata Akaun itu.
 - c) kami boleh, jika berpuas hati, membuat pelarasan dan pembedahan yang sewajarnya kepada Akaun Kad Kredit, namun ini tidak akan menjejaskan hak kami untuk mendebitkan atau mengkreditkan Akaun Kad Kredit dengan apa jua amaun.

9. HAD KREDIT

- 9.1. Anda akan dimaklumkan tentang Had Kredit yang diperuntukkan kepada anda.
- 9.2. Jika anda mempunyai dua atau lebih Akaun Kad Kredit dengan kami, atau jika terdapat Ahli Kad utama dan tambahan, kami akan memperuntukkan Had Kredit tergabung, yang merupakan jumlah Had Kredit merangkumi penggunaan semua Kad Kredit yang anda dan Ahli Kad tambahan miliki.
- 9.3. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk menentukan Had Kredit tidak dilebihi.
- 9.4. Bagi menentukan sama ada Had Kredit telah dilebihi, kami boleh mengambil kira:-
- a) Transaksi yang dilakukan dengan Kad Kredit yang belum didebitkan kepada Akaun Kad Kredit; dan
 - b) kod kebenaran telah kami keluarkan kepada Outlet Tunai Dibenarkan atau Peniaga Dibenarkan berkaitan dengan cadangan transaksi Kad Kredit.
- 9.5. Atas budi bicara mutlak, kami boleh, tetapi tidak semestinya, membenarkan anda melebihi Had Kredit. Biar pun begitu, ini tidak bermakna Had Kredit anda telah ditingkatkan.
- 9.6. Jika anda melebihi Had Kredit, anda hendaklah serta-merta membayar amaun yang melebihi Had Kredit sebelum Tarikh Akhir Pembayaran yang berikut, atau sebaik sahaja menerima apa-apa notis bertulis lain yang mungkin kami keluarkan, mengikut mana lebih dahulu.

- 9.7. Anda bersetuju bahawa kami boleh mengubah Had Kredit pada bila-bila masa, atas budi bicara mutlak kami, dengan memberi anda notis 3 Hari Perniagaan terlebih dahulu.
- 9.8. Anda boleh meminta pertukaran Had Kredit dengan menghubungi Pusat Perkhidmatan Kad melalui telefon atau faks. Permohonan tersebut tertakluk kepada penilaian kredit.

10. PEMBAYARAN

- 10.1. Pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran, anda mesti menjelaskan
- a) Baki tertunggak dalam Penyata Akaun; atau
 - b) Bayaran Minimum Perlu Dibayar.
- 10.2. Anda tetap dikehendaki membayar biarpun anda tidak menerima Penyata Akaun atas apa jua sebab. Jika anda berada di luar Malaysia, anda mestilah mengaturkan atau menugaskan seseorang untuk menguruskan pembayaran yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini bagi pihak anda.
- 10.3. Kami akan mengira Bayaran Minimum Perlu Dibayar berdasarkan kaedah berikut:
- a) Jika baki tertunggak Akaun Kad Kredit mengikut Tarikh Penyata berada dalam lingkungan Had Kredit, maka Bayaran Minimum Perlu Dibayar ialah:-
 - i) 5% daripada baki tertunggak; dan
 - ii) lain-lain bayaran minimum belum dibayar daripada Penyata-penyata Akaun terdahulu, tertakluk kepada minimum RM50.00.
 - b) Kad Kredit mengikut Tarikh Penyata adalah melebihi Had Kredit, Bayaran Minimum Perlu Dibayar ialah –
 - i) keseluruhan amaun yang melebihi Had Kredit;
 - ii) 5% daripada baki tertunggak; dan
 - iii) lain-lain bayaran minimum belum dibayar daripada Penyata-penyata Akaun terdahulu.
- 10.4. Bayaran mestilah dibuat dalam Ringgit Malaysia. Bayaran tidak boleh ditolak apa-apa jua potongan, sama ada sebagai tuntutan balas atau tolak selesai terhadap kami, Outlet Tunai Dibenarkan atau Peniaga Dibenarkan.
- 10.5. Bayaran anda tidak akan dianggap telah dibuat sehinggalah kami memastikan wang bayaran berkenaan telah diterima dengan betul.
- 10.6. Anda boleh membayar di mana-mana cawangan atau lokasi yang kami tetapkan mengikut kaedah pembayaran yang kami luluskan.
- 10.7. Jika anda membayar dengan cek, pastikan anda menyertakan apa-apa komisen pertukaran dalaman yang berkenaan. Jika tidak, kami boleh mendebit Akaun Kad Kredit anda, atau menjalankan hak tolak selesai di bawah Fasal 21 Perjanjian ini.

- 10.8. Bayaran yang kami terima berhubung dengan Akaun Kad Kredit akan digunakan untuk atau sebagai pembayaran bagi apa-apa faedah, caj, fi dan kos guaman yang tertunggak, dan selepas itu bagi transaksi menggunakan Kad Kredit.
- 10.9. Tanpa mengira fasal 10.8, kami mempunyai hak untuk menggunakan apa-apa bayaran yang kami terima daripada anda dengan apa cara yang kami pilih, atas budi bicara mutlak kami, termasuk meletakkan dan menyimpan bayaran itu sebagai kredit dalam akaun tergantung untuk selama masa yang kami pilih, tanpa perlu buat masa ini menggunakan kesemua atau sebahagian bayaran tersebut untuk atau sebagai penyelesaian wang atau liabiliti yang perlu dibayar atau dikenakan kepada anda.
- 10.10. Tanpa mengira pembayaran tersebut ada dibuat sekiranya berlaku apa-apa prosiding dalam atau mirip dengan tindakan kebangkrapan atau ketidakmampuan bayar di pihak anda, kami boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau komposisi berkenaan dengan keseluruhan atau sebahagian daripada wang dan liabiliti tersebut terhadap anda.

11. FI DAN CAJ DAN HAK MENDEBIT

- 11.1. Anda bersetuju membayar dan membenarkan kami mendebit daripada Akaun Kad Kredit anda pada bila-bila masa tanpa memberitahu anda terlebih dahulu, segala fi, caj, faedah, cukai, duti atau levi yang dikenakan bersabit dengan pengeluaran dan penggunaan Kad Kredit, segala kos, caj dan belanja guaman yang mungkin dikenakan kerana menguatkuasakan atau berusaha menguatkuasakan Perjanjian ini, atau kerana mendapatkan dan berusaha mendapatkan pembayaran bagi kesemua atau sebahagian wang yang anda berhutang.
- 11.2. Anda tidak akan dikenakan Caj Kewangan atas baki Transaksi Runcit tertunggak anda jika kami telah menerima pembayaran penuh daripada anda pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran, dan semua baki tertunggak dalam Penyata Akaun bulan terdahulu dibayar penuh sebelum Tarikh Akhir Pembayaran.
- 11.3. Caj Kewangan akan dicaj seperti berikut:-
- a) Bagi Transaksi Runcit, Caj Kewangan dikira berdasarkan baki harian atas Transaksi Runcit tertunggak (atau baki berkurang jika anda membuat pembayaran sebahagian) yang masih tidak berbayar selepas tarikh akhir pembayaran, dikira dari hari transaksi dimasukkan dalam Akaun Kad Kredit sehingga dibayar balik penuh pada kadar berkenaan yang berikut (atau kadar lain yang kami tentukan dari semasa ke semasa):
 - i) 15% setahun – jika anda segera menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar sebelum Tarikh Akhir Pembayaran masing-masing bagi 12 bulan terdahulu berturut-turut; atau
 - ii) 17% setahun – jika anda segera menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar sebelum Tarikh Akhir Pembayaran masing-masing bagi

sekurang-kurangnya 10 bulan daripada 12 bulan terdahulu berturut-turut;
atau

iii) 18% setahun – jika anda tidak tergolong dalam mana-mana kategori tersebut di atas.

b) Bagi Pendahuluan Tunai dan apa-apa transaksi lain yang dilakukan menggunakan Kad Kredit (selain Transaksi Runcit), Caj Kewangan dikira berdasarkan baki harian pada kadar 18% setahun atau kadar lain yang kami tentukan dari semasa ke semasa, atas amaun Pendahuluan Tunai yang diambil, dikira dari tarikh pengeluaran sehingga dibayar penuh.

11.4. Formula yang digunakan untuk pengiraan Caj Kewangan ialah seperti berikut:

$$f = (B) \times (P/D) \times (R)$$

$$F = \text{Sum } (f)$$

Bermaksud

F – Jumlah Caj Kewangan dikenakan bagi bulan.

Sum(f) – Hasil tambah semua Caj Kewangan dikira atas berlainan Baki yang boleh dikenakan Caj Kewangan meliputi jangka masa berkenaan dalam bulan

f – Caj Kewangan bagi sesuatu baki tertentu B dikira meliputi jangka masa P hari.

B – Baki yang dikenakan Caj Kewangan.

P – Jangka masa berkenaan dalam hari atas mana baki “B” dikenakan Caj Kewangan.

D – Bilangan hari digunakan sebagai asas bagi kadar tahunan.

R – Kadar tahunan Caj Kewangan nominal dinyatakan.

11.5. Semua Caj Kewangan yang masih tidak berbayar selepas caj itu tiba masa dibayar akan dipermodalkan dan dicampurkan kepada baki tertunggak di bawah Akaun Kad Kredit, dan akan dikenakan Caj Kewangan pada kadar 18% setahun (atau kadar lain yang boleh kami tentukan pada bila-bila masa) sehingga dibayar penuh.

11.6. Jika anda tidak menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar sebelum Tarikh Akhir Pembayaran, caj lewat sebanyak 1% sebulan atas jumlah baki tertunggak (tidak termasuk Caj Kewangan dan fi) mengikut Tarikh Penyata akan didebitkan kepada Akaun Kad Kredit anda (tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00 sebulan). Jumlah yang didebitkan akan dikenakan Caj Kewangan pada kadar 18% setahun (atau kadar lain yang kami tentukan pada bila-bila masa) sehingga dibayar penuh, dan peruntukan berkaitan dengan permodalan Caj Kewangan dalam Fasal 11.5 dalam Perjanjian ini akan digunakan.

- 11.7. Tempoh tanpa faedah selama 20 hari bagi semua transaksi runcit akan digunakan jika anda membuat pembayaran penuh pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran Penyata Akaun bulan terdahulu. Jika anda membuat pembayaran sebahagian atas jumlah baki tertunggak Penyata Akaun bulan terdahulu, Caj Kewangan (seperti disebut dalam Fasal 11.3 (a) Perjanjian ini) akan dikenakan atas transaksi runcit yang akan dikira dari hari transaksi dimasukkan ke dalam Akaun Kad Kredit sehingga anda membuat pembayaran penuh.
- 11.8. Anda dikehendaki membayar yuran tahunan bagi Kad Kredit (termasuk Kad Kredit tambahan) apabila Kad Kredit dikeluarkan atau diperbaharui. Yuran tahunan akan kami tetapkan pada bila-bila masa, dan akan didebitkan kepada Akaun Kad Kredit apabila tiba masa perlu dibayar, dan tidak boleh dibayar balik. Jika tidak ada yuran tahunan dikenakan, kami boleh mengenakan yuran perkhidmatan sebagai ganti, yang akan kami tetapkan pada bila-bila masa, dan akan didebitkan kepada Akaun Kad Kredit anda. Yuran tahunan/perkhidmatan akan dikenakan faedah pada kadar 18% setahun (atau kadar lain yang kami tentukan pada bila-bila masa) sehingga dibayar penuh, dan peruntukan berkaitan dengan permodalan Caj Kewangan dalam Fasal 11.5 Perjanjian ini akan digunakan.
- 11.9. Anda dikehendaki membayar caj perkhidmatan (pada kadar yang kami pilih pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak kami) bagi perkhidmatan yang kami beri berkaitan dengan –
- a) Permohonan untuk pengeluaran atau fotokopi dan/atau salinan asal Draf Jualan atau dokumen lain;
 - b) Gantian Kad Kredit yang hilang atau dicuri; atau
- 11.10. Anda dikehendaki menjelaskan apa-apa fi dan/atau caj lain yang kami atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang memiliki bidang kuasa ke atas kami boleh kenakan pada bila-bila masa bagi perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada anda.
- 11.11. Kami boleh, pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak kami, mengubah kadar sebarang fi, caj, Caj Kewangan, Bayaran Minimum Perlu Dibayar dan/atau kaedah pengiraan dengan memberi anda 21 hari notis terlebih dahulu melalui cara yang kami pilih seperti yang dibentangkan dalam Fasal 25.1 Perjanjian ini. Pindaan atau perubahan itu akan berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis.

12. KEMUDAHAN PENDAHULUAN TUNAI

- 12.1. Tertakluk kepada persetujuan kami untuk membolehkan anda berbuat demikian, anda boleh mendapat Pendahuluan Tunai dengan cara berikut:-
- a) menunjukkan Kad Kredit anda di mana-mana cawangan kami atau mana-mana institusi ahli Visa/MasterCard International berserta dengan bukti pengenalan diri, dan menandatangani rekod transaksi berkenaan; atau
 - b) menggunakan Kad Kredit anda di mana-mana ATM kami atau ATM mana-mana bank atau institusi kewangan yang dengannya kami telah membuat perkiraan

untuk menggunakan ATM bank atau institusi kewangan tersebut (dalam hal ini amaun setiap pendahuluan akan tertakluk kepada had pengeluaran harian berkenaan yang dikenakan oleh bank atau institusi kewangan tersebut).

Dalam kedua-dua hal tersebut, amaun maksimum yang boleh dikeluarkan daripada Akaun Kad Kredit melalui Pendahuluan Tunai akan bergantung kepada had semasa yang kami tetapkan dari semasa ke semasa. Jika Pendahuluan Tunai dilakukan melalui ATM, setiap Pendahuluan Tunai akan tertakluk kepada had pengeluaran harian berkenaan atau had pengeluaran bagi setiap transaksi Pendahuluan Tunai di ATM serta juga Fasal 12.3 di bawah.

- 12.2. Anda bersetuju bahawa kami mempunyai hak untuk mengenakan amaun dihadkan dari segi peratusan atas kuantum Had Kredit dan baki sedia ada yang boleh digunakan untuk peratusan atas kuantum Had Kredit dan baki sedia ada yang boleh digunakan untuk Pendahuluan Tunai. Anda juga bersetuju bahawa kami mempunyai hak untuk mengubah amaun dihadkan itu dari semasa ke semasa, yang kami tentukan mengikut budi bicara mutlak kami.
- 12.3. Fi Pendahuluan Tunai sebanyak 5.3*% (termasuk cukai barangan dan perkhidmatan 6%) daripada amaun yang dikeluarkan bagi setiap transaksi Pendahuluan Tunai (tertakluk kepada fi minimum sebanyak RM21.20* termasuk cukai barangan dan perkhidmatan 6%) akan dikenakan kepada Akaun Kad Kredit. Fi Pendahuluan ini dan apa-apa caj pengendalian akan didebitkan kepada Akaun Kad Kredit anda pada tarikh Pendahuluan Tunai dikeluarkan. Jumlah yang didebitkan akan menanggung Caj Kewangan pada kadar 18% setahun (atau kadar lain yang kami tentukan pada bila-bila masa) sehingga dibayar penuh, dan peruntukan yang berkaitan dengan permodalan Caj Kewangan dalam Fasal 11.5 Perjanjian ini akan digunakan.
- 12.4. Kami boleh, atas budi bicara mutlak, memutuskan untuk tidak menunaikan sebarang pengeluaran ATM menggunakan Kad Kredit jika terdapat:
 - a) kesilapan, kecacatan, kegagalan atau gangguan dalam penyediaan perkhidmatan ATM atau pada sistem atau alat kelengkapan kami atas apa jua sebab di luar kawalan kami, atau atas apa jua sebab;
 - b) kerosakan mekanikal atau malfungsi terminal atau alat kelengkapan di Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan mana-mana ATM atau outlet perkhidmatan lain disebabkan gangguan bekalan elektrik atau apa jua punca di luar kawalan kami;
 - c) kesilapan di pihak kami;
 - d) penggunaan atau cubaan penggunaan Kad Kredit untuk pengeluaran ATM melebihi Had Kredit yang diperuntukkan bagi Akaun Kad Kredit tersebut;
 - e) apa-apa sebab yang kami anggap patut untuk tidak menunaikan pengeluaran ATM menggunakan Kad Kredit.
- 12.5. Kami boleh, pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak, mengubah, menambah, menggugurkan atau meminda terma dan syarat berkaitan dengan kemudahan Pendahuluan Tunai, fi dan/atau caj

pengendalian Pendahuluan Tunai dengan memberi anda notis 21 hari melalui cara seperti yang dibentangkan dalam Fasal 25.1 Perjanjian ini. Pengubahan atau pindaan itu akan berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis.

- 12.6. Transaksi berikut akan dianggap transaksi Pendahuluan Tunai dan semua terma dan syarat berkaitan dengan Fasal 12 Perjanjian ini akan digunakan:
- a) sebarang pengeluaran kredit berlebihan dalam Akaun Kad Kredit anda menerusi penggunaan Kad Kredit anda atau dengan meminta kami mengeluarkan cek kepada anda untuk pengeluaran tersebut;
 - b) semua transaksi pertaruhan, termasuk pembelian tiket loteri dan cip di kasino perjudian, pertaruhan luar balapan, dan bertaruh di balapan lumba.
- 12.7. Penyata Akaun anda akan menunjukkan transaksi Pendahuluan Tunai, fi yang dikenakan dan faedah yang terakru atas amaun yang dikeluarkan bagi transaksi Pendahuluan Tunai, sehingga tarikh pembayaran balik penuh.
- 12.8. Anda bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap semua Pendahuluan Tunai yang dilakukan melalui Kad Kredit tanpa mengira sama ada pengeluaran tersebut dilakukan mengikut atau di luar Had Kredit yang diperuntukkan.

13. CUKAI, DUTI ATAU LEVI

- 13.1. Anda akan dikenakan membayar apa-apa cukai barangan dan perkhidmatan atau apa-apa cukai atau levi lain yang setakat tarikh pengeluaran Kad Kredit atau apa-apa tarikh selepas tarikh pengeluaran Kad Kredit itu, dikehendaki undang-undang (termasuk Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014) atau peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang tersebut (dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan yang dibuat kepada undang-undang tersebut) supaya dibayar kepada mana-mana badan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berkenaan dengan apa-apa fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berkaitan dengan Kad Kredit. Melainkan kami menyatakan sebaliknya pada bila-bila masa, maka apa-apa fi dan caj yang diberitahu kepada anda adalah termasuk apa-apa cukai barangan dan perkhidmatan berkenaan pada kadar semasa. Jika kami menyatakan sebaliknya, maka anda akan dikenakan membayar cukai barangan dan perkhidmatan berkenaan di samping fi dan caj kami.
- 13.2. Apa-apa cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang kami tanggung berkaitan dengan penggunaan Kad Kredit dan apa-apa barangan atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Kad Kredit akan ditanggung oleh dan dikenakan kepada anda dan jika sekiranya kami menjelaskan apa-apa bayaran, maka anda bertanggungjawab membayar balik amaun yang dibayar itu kepada kami.

14. TRANSAKSI LUAR NEGARA

- 14.1. Anda boleh menggunakan Kad Kredit di luar Malaysia di tempat Peniaga Dibenarkan dan/atau outlet Tunai Dibenarkan, kecuali bagi transaksi tanpa sentuhan luar talian yang hanya untuk kegunaan dalam Negara sahaja.
- 14.2. Anda boleh menggunakan Kad Kredit untuk mengeluarkan wang tunai di bawah Akaun Kad Kredit di ATM yang ditetapkan di negara-negara yang kami luluskan, atau di mana-mana Outlet Tunai Dibenarkan.
- 14.3. Jika anda menggunakan Kad Kredit bagi sesuatu transaksi dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, penukarannya akan dibuat menerusi Visa/MasterCard International pada kadar penukaran yang ditentukan oleh Visa/MasterCard International setakat waktu transaksi itu dimasukkan ke sistem. Selain itu, kos pentadbiran sebanyak 1% atau apa-apa kadar lain yang kami tentukan bagi penukaran transaksi yang dibuat dalam mata wang selain Ringgit Malaysia akan dikenakan kepada anda.
- 14.4. Jika anda memilih untuk menukarkan perbelanjaan mata wang asing anda kepada Ringgit Malaysia melalui perkhidmatan DCC, anda bersetuju dan mengakui bahawa proses penukaran dan kadar pertukaran yang ditentukan akan ditentukan oleh peniaga luar negara yang berkaitan dan bukan kami. Dengan berbuat demikian, anda menerima bahawa kadar pertukaran yang digunakan oleh peniaga yang berkenaan mungkin lebih tinggi daripada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa/ MasterCard International apabila anda membayar dalam mata wang asing.
- 14.5. Di samping itu, semua perbelanjaan mata wang asing yang ditukar melalui perkhidmatan DCC akan dikenakan fi DCC sebanyak 0.848%* atas jumlah Ringgit Malaysia yang diurusniagakan/ditukar, sebagai fi/ caj yang dikenakan oleh Visa/ MasterCard International atas perbelanjaan tersebut.
- 14.6. Semua transaksi luar negara yang anda buat tidak boleh mencabuli undang-undang yang sedia ada dalam negara tempat transaksi itu dilakukan. Jika berkenaan, anda mestilah mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia sepertimana dipinda dan dilaksanakan dari semasa ke semasa dan akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran peraturan tersebut.

15. LIABILITI ANDA ATAS KEHILANGAN ATAU KECURIAN KAD KREDIT, PENDEDAHAN KOD LALUAN ANDA KEPADA ORANG LAIN ATAU PENGGUNAAN KAD KREDIT TANPA KEBENARAN

- 15.1. Anda bersetuju dan berjanji untuk mengambil semua langkah berjaga-jaga dan sewajarnya untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad Kredit, pendedahan Kod laluan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit dan mesti memaklumkan Pusat Panggilan dengan seberapa segera yang munasabahnyanya dapat dilaksanakan sekiranya kejadian sedemikian berlaku. Anda memahami bahawa kegagalan untuk mengambil semua langkah berjaga-jaga dan sewajarnya untuk

melindungi Kad Kredit atau Kod laluan anda mungkin mendedahkan anda kepada risiko kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit.

- 15.2. Anda mesti mengambil tindakan susulan bagi pemberitahuan anda dalam Klausa 15.1 melalui pengesahan bertulis dan mengemukakan sebarang dokumen yang diperlukan oleh kami termasuk tetapi tidak terhad kepada salinan laporan polis yang difailkan berkenaan dengan kecurian atau kehilangan Kad Kredit anda dan/atau pendedahan Kod laluan anda dalam masa 7 hari dari tarikh kehilangan/kecurian Kad Kredit anda dan/atau pendedahan Kod laluan anda.
- 15.3. Anda bertanggungjawab untuk Transaksi Runcit tanpa kebenaran yang menggunakan PIN jika anda:
- a) melakukan penipuan; atau
 - b) lewat dalam memaklumkan kami dengan secepat mungkin yang anda boleh berbuat demikian selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit anda; atau
 - c) mendedahkan PIN anda secara sukarela kepada individu lain; atau
 - d) merekodkan PIN anda pada Kad Kredit, atau pada apa-apa yang disimpan berhampiran dengan Kad Kredit anda.
- 15.4. Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh, jika anda:
- a) melakukan penipuan; atau
 - b) lewat dalam memaklumkan kami dengan secepat mungkin yang anda boleh berbuat demikian selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit anda; atau
 - c) meninggalkan Kad Kredit anda atau barangan yang mengandungi Kad Kredit anda tanpa dijaga di tempat yang senang dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
 - d) membenarkan individu lain untuk menggunakan Kad Kredit anda secara sukarela.
- 15.5. Pada permintaan anda, kami boleh (tetapi tidak diwajibkan) untuk mengeluarkan Kad Kredit gantian berikutan kecurian atau kehilangannya. Anda perlu membayar fi penggantian sebanyak RM50.00 (atau apa-apa bayaran lain sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa) untuk setiap Kad Kredit gantian. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, anda akan kekal bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Kredit yang hilang atau dicuri tersebut, termasuk transaksi yang dilaksanakan tetapi belum lagi dimasukkan ke dalam Akaun Kad Kredit, dan sebarang arahan tetap sedia ada yang dilakukan oleh anda kepada Pedagang yang Dibenarkan.
- 15.6. Apabila anda menerima Kad Kredit gantian, anda hendaklah menurunkan tandatangan pada jalur tandatangan dan menghantar SMS atau menghubungi Pusat Panggilan untuk mengaktifkan Kad

Kredit itu. Pengaktifan tersebut akan merupakan pengaktifan sah bagi Kad Kredit itu dan anda dianggap telah menerima dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Perjanjian ini. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberitahu Peniaga Dibenarkan supaya membatalkan atau meminda mana-mana arahan tetap sedia ada berkaitan dengan Kad Kredit yang hilang atau dicuri itu dan/atau penggantian Kad Kredit.

16. PEMBAHARUAN, PENAMATAN, PEMBATALAN ATAU PENGGANTUNGAN KAD KREDIT

16.1. Anda boleh menamatkan penggunaan Kad Kredit pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Bayaran balik yuran tahunan tidak akan dibuat kepada anda.

16.2. Kami boleh pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak, menarik balik, menamatkan atau menggantung penggunaan Kad Kredit, Akaun Kad Kredit dan/atau mana-mana perkhidmatan berkaitan yang lain, tidak membenarkan apa-apa transaksi di bawah Kad Kredit itu dan/atau tidak mengeluarkan semula, membaharui atau menggantikan Kad Kredit, tanpa memberi apa-apa notis atau sebab kepada anda, apabila berlaku salah satu yang berikut (“Peristiwa Keingkar”):-

- a) anda tidak mematuhi pembayaran atau cara pembayaran apa-apa wang kena dibayar di bawah Perjanjian ini;
- b) anda tidak mematuhi pembayaran atau cara pembayaran apa-apa wang yang kena dibayar di bawah mana-mana perjanjian lain berkaitan dengan mana-mana kemudahan perbankan/kredit yang kami sediakan kepada anda;
- c) anda melebihi Had Kredit;
- d) anda mengugut untuk melanggar atau telah melanggar terma dan syarat Perjanjian ini;
- e) anda meninggal dunia atau menjadi tak siuman atau tak berupaya, tak sempurna mental, tak mampu bayar, bankrap atau diisytiharkan oleh mana-mana mahkamah berbidang kuasa kompeten atau mana-mana pihak berkuasa yang sesuai sebagai tidak berupaya mengendalikan hal-ehwal diri anda tertakluk kepada prosiding kehakiman;
- f) anda mengambil tindakan kebangkrapan atau membiarkan sesuatu penghakiman kekal terhadap diri anda selama lebih 21 hari;
- g) pelaksanaan distress (kecemasan), penahanan atau prosiding undang-undang yang lain dikenakan, dikuatkuasakan atau diambil terhadap harta-harta anda dan tidak dilepaskan atau digantung dalam masa 7 hari;
- h) sebarang litigasi (sama ada awam atau jenayah), penimbangtaraan atau prosiding pentadbiran belum selesai, sedang berjalan atau diancam terhadap diri anda;
- i) anda membuat atau berusaha untuk membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan atau untuk manfaat pemiutang anda;

- j) anda melakukan atau mengugut untuk melakukan keingkaran atau pelanggaran mana-mana perjanjian, waad, persyaratan, terma atau syarat yang disempurnakan antara anda dengan kami, yang mana anda dikehendaki untuk memperhatikan dan melaksanakan;
- k) pada bila-bila masa selepas pengeluaran Kad Kredit, undang-undang dan peraturan yang mentadbir urusan kami menjadikannya salah di sisi undang-undang atau mustahil untuk kami membenarkan anda atau untuk terus membenarkan anda menggunakan Kad Kredit atau Akaun Kad Kredit untuk mematuhi kewajipan kami di bawah Perjanjian ini, atau untuk kami menguatkuasakan mana-mana hak di bawah Perjanjian ini, mana-mana dokumen sekuriti atau mana-mana perjanjian lain berkaitan dengan apa-apa kemudahan perbankan/kredit yang kami sediakan kepada anda;
- l) kami tidak mengetahui di mana anda berada;
- m) kami atas budi bicara mutlak kami memutuskan bahawa berlaku perubahan keadaan pasaran yang akan menyebabkan penerusan kemudahan dan perkhidmatan Kad Kredit yang ditawarkan kepada anda tergendala buat sementara atau kekal tidak praktikal atau tidak mungkin dari segi komersial;
- n) penarafan kredit anda seperti yang kami tentukan telah merosot;
- o) terdapat penyiasatan oleh pihak polis, pihak berkuasa atau pengawalselia menunggu keputusan, sedang berjalan atau diancam terhadap anda;
- p) jika anda telah dituduh atau disabitkan atas sebarang kesalahan jenayah atau mempunyai apa-apa rekod jenayah;
- q) jika ada apa-apa laporan yang dibuat terhadap diri anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001; atau
- r) jika kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa Kad Kredit digunakan untuk aktiviti menyalahi undang-undang.

16.3. Tanpa mengira Fasal 16.2, kami boleh, atas budi bicara mutlak kami, menarik balik atau menamatkan penggunaan Kad Kredit anda dengan memberi notis kepada anda.

16.4. Anda dilarang menggunakan Kad Kredit untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika kami mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Kad Kredit anda telah atau sedang digunakan bagi apa-apa aktiviti yang tidak dibenarkan, kita boleh mengambil apa-apa tindakan yang kami menganggap sesuai untuk memenuhi apa-apa obligasi atau kehendak di Malaysia atau di tempat lain di dunia berkaitan dengan pencegahan apa-apa aktiviti menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti penganas, rasuah, pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan

- ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang akan kita ambil termasuk menggantung, membatalkan atau menamatkan Kad Kredit dan / atau Akaun Kad Kredit segeranya, membuat laporan dan mengambil apa-apa tindakan kita boleh membuat keputusan yang sesuai.
- 16.5. Setelah Kad Kredit anda ditamatkan, anda tetap bertanggungjawab terhadap apa-apa transaksi yang dilakukan menerusi penggunaan Kad Kredit (sama ada sebelum atau selepas Kad Kredit ditamatkan), termasuk transaksi yang telah dilakukan tetapi belum direkodkan dalam Akaun Kad Kredit, dan apa-apa Arahan Tetap yang anda keluarkan kepada Peniaga Dibenarkan. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberitahu Peniaga Dibenarkan dan membatalkan apa-apa arahan tetap sedia ada sebelum atau apabila Kad Kredit anda ditamatkan.
- 16.6. Jika Kad Kredit dan/atau Akaun Kad Kredit ditamatkan, anda dikehendaki
- a) memotong dua Kad Kredit melintang jalur pita magnet dan cip;
 - b) segera membayar segala wang yang terhutang dengan kami (termasuk keseluruhan baki tertunggak dalam Akaun Kad Kredit berserta dengan semua fi, kos, cukai, duti, levi yang terakru sehingga tarikh penamatan Kad Kredit dan jumlah lain yang terhutang berhubung dengan transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Kredit tetapi belum direkodkan dalam Akaun Kad Kredit, dan apa-apa ansuran tertunggak yang belum tiba masa perlu dibayar yang mana anda bertanggungjawab ke atasnya.
- 16.7. Jika, selepas penamatan, anda tidak memotong dua Kad Kredit, anda akan tetap bertanggungjawab terhadap apa-apa caj dan transaksi yang ditanggung dengan Kad Kredit itu.
- 16.8. Penamatan Kad Kredit utama akan menamatkan semua Kad Kredit tambahan secara automatik. Penamatan Kad Kredit tambahan tidak akan menamatkan Kad Kredit utama, melainkan diberi arahan sebaliknya secara bertulis kepada kami.
- 16.9. Butiran mana-mana Kad Kredit yang dibatalkan atau dimansuhkan mungkin dimasukkan dalam “senarai pembatalan” yang mungkin akan kami edarkan kepada semua Peniaga Dibenarkan dan Outlet Tunai Dibenarkan.
- 16.10. Anda dikehendaki memaklumkan kepada kami jika anda meninggalkan Malaysia kerana hendak bermastautin di negara lain sekurang-kurangnya 14 hari sebelum pemergian anda. Kad Kredit (termasuk apa-apa Kad Kredit tambahan) akan ditamatkan serta-merta dan anda hendaklah memotong dua Kad Kredit itu sebelum pemergian anda.

17. PENGECUALIAN LIABILITI

- 17.1. Dalam keadaan apa pun, kami tidak akan menanggung liabiliti atas ganti rugi atau kehilangan yang anda alami (termasuk hilang reputasi atau rasa malu) –
- a) bersabit dengan representasi atau implikasi disebabkan oleh
 - i) pembatalan atau keengganan kami untuk memperbaharui Kad Kredit;

- ii) penggantungan atau sekatan yang kami kenakan terhadap penggunaan Kad Kredit oleh anda;
- iii) penyebaran butir-butir Kad Kredit anda dalam senarai Kad Kredit dibatalkan kepada Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai dibenarkan; atau
- iv) pindaan, perubahan, pembatalan, penggantungan dan/atau penarikan balik mana-mana manfaat atau keistimewaan di bawah Kad Kredit;
- b) disebabkan perbuatan atau pengabaian Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan;
- c) disebabkan penahanan Kad Kredit dan/atau keengganan Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan menerima Kad Kredit;
- d) bersabit dengan penyata, representasi atau sebaran yang dibuat oleh Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan;
- e) disebabkan kecacatan atau ketidaksempurnaan barangan yang dibeli atau perkhidmatan yang diberi oleh Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan;
- f) disebabkan tidak puas hati dengan kualiti, keberkesanan dan/atau ketulenan barangan yang dibeli dan/atau perkhidmatan yang diberi oleh Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan;

17.2. Kami tidak akan menanggung liabiliti atas apa-apa kehilangan, kecederaan atau kerosakan yang dialami, termasuk kehilangan berbangkit dan kehilangan dari segi ekonomi, disebabkan oleh kecacatan mekanikal atau malfungsi ATM, atau oleh apa-apa keadaan di luar kawalan kami.

18. KEISTIMEWAAN DAN MANFAAT SECARA AM

Kami, pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak kami, boleh meminda, mengubahsuai, menukar, menghadkan, menambah, menggantung, membatalkan atau menarik balik kesemua atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diberi kepada anda dengan memberi notis.

19. TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN PERBANKAN TELEFON UOB

Di samping terma dan syarat Perjanjian ini, jika anda memohon perkhidmatan kami menerusi Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, maka Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB akan digunakan di samping dan bukan menggantikan mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini. Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB boleh dsemak di www.uob.com.my.

20. TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN PERBANKAN INTERNET PERIBADI DAN MUDAH ALIH UOB

Di samping terma dan syarat Perjanjian ini, jika anda memohon perkhidmatan kami menerusi Perkhidmatan Perbankan Internet UOB, maka Terma dan Syarat yang Mentadbir Perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi dan Mudah Alih UOB akan digunakan di samping dan bukan menggantikan mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini. Terma dan Syarat yang Mentadbir Perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi dan Mudah Alih UOB boleh disemak di www.uob.com.my.

21. HAK TOLAK SELESAI DAN PENYATUAN

- 21.1. Selain sebarang hak umum untuk tolak selesai di bawah undang-undang atau mana-mana perjanjian lain, anda bersetuju bahawa kami boleh, atas budi bicara mutlak, menggabungkan atau menyatukan baki tertunggak dalam Akaun Kad Kredit dengan semua atau mana-mana akaun anda yang sedia ada dengan kami, sama ada perseorangan atau bersama dengan mana-mana orang lain. Anda memberi kebenaran kepada kami, selepas memberi 7 hari notis kepada anda, untuk tolak selesai atau pindah apa-apa jumlah kredit yang ada dalam mana-mana akaun anda sebagai penyelesaian apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada kami di bawah Perjanjian ini.
- 21.2. Dengan pengeluaran notis yang disebut dalam Fasal 21.1 di atas, anda bersetuju bahawa kami mempunyai hak untuk mengetepikan atau menahan apa-apa wang yang ada dalam kredit semua atau mana-mana akaun anda yang sedia ada dengan kami, sebelum ditolak selesai dan anda tidak berhak mengeluarkan wang itu, tanpa mendapat izin bertulis daripada kami terlebih dahulu.
- 21.3. Jika penggabungan, tolak selesai atau pindahan melibatkan penukaran antara mata wang, penukaran itu akan dikira mengikut kadar pertukaran lani semasa (ditetapkan oleh kami atas budi bicara mutlak) kerana membeli mata wang yang anda turut bertanggungjawab.

22. PERTIKAIAN

- 22.1. Kami tidak akan bertanggungjawab atas –
 - a) keengganan Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan menerima Kad Kredit; atau
 - b) sebarang kecacatan atau ketidaksempurnaan barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada anda oleh Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan atau orang lain.
- 22.2. Anda hendaklah menyelesaikan segala aduan, tuntutan dan pertikaian terhadap Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan secara langsung, dan bersetuju tidak melibatkan kami dalam apa-apa tuntutan, pertikaian atau prosiding undang-undang tersebut, dan tuntutan tersebut sama sekali tidak boleh ditolak selesai dengan kami.

- 22.3. Sejauh yang dibenarkan undang-undang, apa-apa tuntutan atau pertikaian yang mungkin anda ada terhadap Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan tidak akan melepaskan anda daripada kewajiban membayar amaun itu kepada kami di bawah Perjanjian ini.
- 22.4. Anda dikehendaki menghubungi dan memberitahu Peniaga Dibenarkan secara langsung tentang sebarang pembatalan arahan tetap urusan bil berulang atau caj atau pembatalan Kad Kredit bersabit dengan mana-mana arahan tetap urusan bil berulang. Anda bersetuju bahawa anda akan mengemukakan secara terus apa-apa tuntutan atau pertikaian bersabit dengan urusan bil berulang yang dipaparkan dalam Penyata Akaun kepada Peniaga Dibenarkan, dan kami sama sekali tidak boleh dipertanggungjawab.
- 22.5. Apabila anda memaklumkan kepada kami bahawa terdapat transaksi yang anda pertikaikan terhadap Peniaga Dibenarkan atau Outlet Tunai Dibenarkan, anda hendaklah memberi kami maklumat berikut, sama ada secara lisan atau bertulis, berkaitan dengan transaksi yang dipertikaikan itu:
- a) nama anda;
 - b) akaun Kad Kredit yang terlibat;
 - c) tarikh dan amaun transaksi yang dipertikaikan itu; dan
 - d) sebab mengapa anda percaya itu adalah transaksi yang dipertikaikan.
- 22.6. Kami mempunyai hak untuk mendebitkan amaun penuh bagi transaksi yang dipertikaikan itu daripada Akaun Kad Kredit anda berdasarkan bukti bahawa transaksi yang dipertikaikan itu adalah sah dan dengan kebenaran anda setelah diberi notis awal kepada anda
- 22.7. Apa-apa percubaan di pihak anda untuk membuat tuntutan palsu atas transaksi yang dipertikaikan itu akan memberi hak kepada kami untuk menggunakan mana-mana hak kami di bawah terma dan syarat Perjanjian ini.

23. MUNGKIR BAYAR

Jika anda melanggar mana-mana terma dan syarat dalam mana-mana perjanjian lain dengan kami, sama ada bagi penggunaan mana-mana kad kredit lain yang kami keluarkan untuk apa-apa kemudahan perbankan/kredit, kami boleh atas budi bicara mutlak, menamatkan Perjanjian ini dan sesudah itu segala wang yang terhutang dengan kami hendaklah dibayar segera selaras dengan Fasal 16.6(b) Perjanjian ini.

24. PELANTIKAN EJEN

- 24.1. Kami boleh, atas budi bicara mutlak dan dengan memberi 7 hari notis kepada anda, melantik ejen dan/atau agensi kutip hutang untuk memungut semua dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada kami, yang terhutang dan kena dibayar oleh anda di bawah Perjanjian ini.
- 24.2. Anda memberi kuasa dan izin (yang tidak boleh dimansuhkan) kepada kami dan/atau pegawai kami mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan anda dan/atau Akaun Kad Kredit anda

kepada mana-mana ejen dan/atau agensi kutip hutang tersebut, untuk tujuan mendapatkan balik semua dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada kami, yang terhutang dan kena dibayar oleh anda di bawah terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

25. PENGUBAHAN

- 25.1. Kami boleh, pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak, mengubah, menambah, menggugurkan atau meminda kadar, fi, caj serta terma dan syarat dalam Perjanjian ini dengan memberi 21 hari notis kepada anda, sama ada melalui Penyata Akaun anda atau apa-apa cara lain yang kami pilih.
- 25.2. Apa-apa pindaan/perubahan yang disebut dalam Fasal 25.1 akan berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang kami tetapkan. Penyimpanan atau penggunaan Kad Kredit selepas tarikh kuatkuasa akan dianggap penerimaan anda terhadap pindaan tersebut tanpa syarat.

26. PENYAMPAIAN ARAHAN

- 26.1. Anda membenarkan kami bertindak atas arahan anda yang diberi melalui telefon, telefon bimbit [termasuk Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) atau Khidmat Pesanan Multimedia (MMS) yang dihantar daripada nombor telefon bimbit yang terakhir diberitahu kepada kami], teleks, penghantaran faks, mel elektronik atau cara-cara lain arahan telekomunikasi yang kami secara jujur percaya disampaikan oleh anda.
- 26.2. Melainkan jelas dinyatakan sebaliknya dalam Perjanjian ini, kami mempunyai hak untuk berpegang kepada dan bertindak atas apa-apa arahan yang diberi secara bertulis seperti dinyatakan dalam Fasal 26.1 di atas dan tidak akan bertanggungjawab terhadap anda dalam apa jua cara kerana bertindak secara jujur mengikut apa-apa arahan tersebut, sungguhpun kemudiannya terbukti bukan anda yang memberinya, atau terhadap sebarang salah faham atau apa-apa kesilapan, kehilangan atau kelewatan berpunca daripada penggunaan peranti mudah alih, perkhidmatan pos, mesin teleks atau teletaip, peranti kabel, peranti penghantaran faksimili atau peranti komputer. Anda mempunyai hak untuk berpegang kepada dan bertindak atas apa-apa arahan yang disampaikan seperti tersebut di atas melalui telefon atau telefon bimbit seperti yang disebut dalam Fasal 26.1, dan risiko salah faham dan kesilapan arahan yang diberi oleh individu tanpa izin adalah bertanggung atas bahu anda sendiri. Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul daripada salah faham, kesilapan atau arahan tanpa izin tersebut.
- 26.3. Anda mengaku janji untuk menanggung rugi kami, dan untuk terus menanggung rugi kami sepenuhnya dan melepaskan kami daripada tanggungan terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan apa jenis pun yang mungkin kami alami atau tanggung disebabkan kami bersetuju untuk bertindak atas arahan tersebut dalam Fasal 26.

27. HAK UNTUK MENDEDAHKAN DATA PERIBADI

27.1. Anda bersetuju bahawa kami (termasuk pegawai, kakitangan, ejen kami), atau sesiapa sahaja yang kami benarkan untuk mengakses rekod kami, surat – menyurat atau apa-apa bahan berkaitan dengan anda atau Akaun Kad Kredit anda) boleh mendedahkan pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak kami tanpa memaklumkan kepada anda, apa-apa maklumat yang berkaitan dengan anda atau Akaun Kad Kredit anda, kepada yang berikut:

- a) Mana-mana cawangan kami, agensi, wakil pegawai, syarikat gabungan, syarikat bersekutu atau syarikat berkaitan, serta pegawai, penjawat atau ejen-ejen masing-masing, sama ada di Malaysia atau di tempat lain (“Kumpulan Bank”), bagi salah satu tujuan berikut:-
 - i) menyediakan perkhidmatan perbankan kepada anda;
 - ii) melapor;
 - iii) memadankan data;
 - iv) mempromosi, memperbaiki dan memperluas lagi penyediaan perkhidmatan lain oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan Bank kepada anda;
 - v) mencegah penipuan atau jenayah;
 - vi) menyasat, mencegah atau sebaliknya berkaitan dengan aktiviti pengubahan wang dan aktiviti jenayah;
 - vii) mengutip hutang;
 - viii) sumber atau perkhidmatan luar bagi operasi kami;
 - ix) pelaksanaan tugas sebagai pegawai kami atau bersabit dengan pengauditan atau pelaksanaan pengurusan risiko;
 - x) mempermudah kami atau mana-mana anggota dalam pelaksanaan fungsi-fungsi Kumpulan Bank;
 - xi) mematuhi dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan Bank;
 - xii) latihan korporat;
 - xiii) apa-apa proses undang-undang yang kami mulakan atau disampaikan kepada kami;
- b) mana-mana peniaga atau pertubuhan yang menerima Kad Kredit, mana mana bank atau institusi kewangan lain, VISA International Service Association/MASTERCARD International Inc. atau penggantinya, mana-mana anggota VISA International Service Association dan/atau MASTERCARD CARD International Inc. dan/atau mana-mana pihak yang berkepentingan lain untuk mempermudah penggunaan Kad Kredit atau pemprosesan apa-apa transaksi yang terlibat atau penyiasatan apa pun sifatnya yang hendak dijalankan;

- c) Sesiapa sahaja untuk atau bersabit dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapatkan semula wang yang terhutang dan kena bayar oleh anda kepada kami di bawah Perjanjian ini;
- d) Sesiapa sahaja, sama ada di Malaysia atau tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada kami untuk tujuan membekalkan, mengemaskinikan, menyelenggara dan menaiktaraf perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyiasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
- e) kepada sesiapa sahaja, sama ada di Malaysia atau tempat lain, yang kami ambil untuk tujuan melaksanakan atau bersabit dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah diserahkan kepada sumber atau khidmat luar;
- f) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan bersabit dengan mana-mana kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- g) syarikat kad kredit dan institusi kewangan bersabit dengan pertanyaan mengenai kad kredit;
- h) kepada bank-bank lain, institusi kewangan, biro kredit atau ejen rujukan kredit (hanya untuk maklumat kredit sahaja);
- i) juruaudit, peguamcara dan penasihat profesional kami;
- j) pencetak alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan kepada orang berkenaan yang memasang dan menyelenggaranya dan lain-lain pembekal barangan atau perkhidmatan yang kami gunakan;
- k) mana-mana biro kredit yang kami menjadi ahlinya, dan mana-mana ahli lain dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit tersebut;
- l) mana-mana agensi penarafan, rakan perikatan perniagaan, syarikat insurans atau broker insurans atau pembekal langsung atau tidak langsung bagi perlindungan kredit;
- m) mana-mana peserta sebenar atau peserta berpotensi atau sub-peserta berkaitan dengan mana-mana kewajipan kami di bawah perjanjian perbankan antara anda dengan kami, atau pemegang serah hak, novati atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, ejen atau penasihat) bagi salah seorang daripada mereka;
- n) bagi transaksi yang dilakukan atau diproses dengan atau tanpa kuasa anda dalam atau menerusi ATM bank-bank lain atau institusi kewangan atau bukan kewangan atau terminal atau mesin atau peranti kendalian kad lain yang kami meluluskan, kepada bank, institusi kewangan atau institusi bukan kewangan, peniaga atau pihak lain yang menerima penggunaan kad ATM serta ejen atau kontraktor mereka masing-masing;

- o) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan Bank;
- p) sesiapa sahaja yang kepadanya kami atau mana-mana ahli Kumpulan Bank dibenarkan atau dikehendaki mendedahkan menurut undang-undang mana-mana negara; dan
- q) sesiapa sahaja yang kepadanya pendedahan dianggap oleh kami adalah demi menjaga kepentingan kami, atau kepentingan mana-mana Kumpulan Bank (tidak terpakai bagi perikatan perniagaan untuk tujuan pemasaran dan promosi).
- r) sesiapa yang berniat hendak menyelesaikan apa-apa wang belum jelas di bawah Akaun Kad Kredit;
- s) sesiapa yang ada kaitan dengan penguatkuasaan atau pengekalan mana-mana hak kami di bawah Perjanjian ini; dan
- t) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

27.2. Fasal 27.1 akan terus kuatkuasanya selepas tamatnya perjanjian ini.

28. PERINTAH MAHKAMAH

28.1. Kami boleh bertindak dengan apa cara yang kami anggap sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami dikenakan perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mahkamah mana-mana bidang kuasa. Anda bersetuju bahawa anda tidak akan mempertanggungjawabkan kami atas mana-mana kehilangan atau kerosakan berhubung dengan tindakan kami.

28.2. Fasal 28.1 akan terus berkuatkuasa selepas tamatnya perjanjian ini.

29. PERLINDUNGAN DATA

29.1. Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami, dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi yang kami keluarkan (boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan juga di laman web kami di (www.uob.com.my) dan fasal-fasal dalam perjanjian ini yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai terangkum dengan merujuk kepada Perjanjian ini.

29.2. Anda bersetuju dan memberi keizinan bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi di luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang disimpan oleh kami dan Kumpulan Bank akan diberi tahap perlindungan yang wajar terhadap sebarang kehilangan, salah guna, pengubahsuaian, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, pindaan atau penghapusan.

- 29.3. Sekiranya anda memberi Data Peribadi berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk data berkaitan dengan waris kadim dan tanggungan anda (jika anda seorang individu) atau data berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu, dan penyelia keselamatan anda (jika anda sebuah perbadanan), bagi tujuan membuka atau mengendalikan Akaun Kad Kredit dengan kami atau pun melangani produk dan perkhidmatan kami, anda;
- a) mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan keizinan mereka atau jika sebaliknya berhak untuk memberi data ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya selaras dengan Perjanjian ini;
 - b) berjanji bahawa anda telah memaklumkan kepada pihak ketiga tersebut supaya membaca Notis Privasi di laman web kami www.uob.com.my;
 - c) telah memaklumkan kepada pihak ketiga tersebut:-
 - i) bahawa kami boleh mengambil atau mengesahkan data peribadi dan kewangan mereka dengan sumber pihak ketiga;
 - ii) bahawa kami boleh mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas-kelas pihak ketiga yang diperihalkan dalam Notis Privasi kami;
 - d) bersetuju memastikan bahawa data peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
 - e) bersetuju untuk mengemas kini secara bertulis kepada kami sekiranya berlaku apa-apa perubahan ketara kepada data peribadi dan kewangan tersebut; dan
 - f) bersetuju bahawa kami berhak menamatkan perjanjian ini jika keizinan tersebut ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.
- 29.4. Jika anda memberi arahan kepada kami untuk melakukan apa-apa transaksi rentas-sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), maka butiran berkaitan dengan transaksi rentas-sempadan itu (termasuk data berkaitan dengan yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar Negara, di mana data itu boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar Negara bersabit dengan tugas sah mereka (misalnya, pencegahan jenayah). Apabila memberi arahan kepada kami dan/atau ejen kami untuk melakukan apa-apa transaksi rentas-sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju dengan pendedahan tersebut di atas bagi pihak anda dan lain-lain yang terlibat dalam transaksi rentas-sempadan itu.
- 29.5. Selain itu, tetapi tetap tertakluk kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) yang boleh dikenakan kepada kami dan Kumpulan Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa kami dan Kumpulan Bank, dan peniaga serta juga rakan kongsi strategik kami boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percaya mungkin menarik minat anda atau memberi manfaat dari segi kewangan. Walau apa pun, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data berkaitan dengan hal-ehwal anda atau Akaun Kad Kredit) kepada peniaga dan rakan kongsi strategik kami jika telah mendapat keizinan nyata daripada anda terlebih dahulu.

- 29.6. Jika anda tidak mahu menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada kami dan Kumpulan Bank, sila tulis kepada 'Personal Financial Services, P.O Box 13525, Menara Uob, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur (atau apa-apa alamat lain yang akan kami beritahu) untuk menyatakan hasrat anda dan kami akan akur kepada arahan bertulis yang terbaharu daripada anda.
- 29.7. Anda akui bahawa bahan komunikasi tertentu seperti Penyata Akaun dan laman web kami mengandungi maklumat piawai berkenaan dengan produk dan perkhidmatan kami yang jika digugurkan akan menjejaskan penyampaian/penyediaan perkhidmatan dan/ atau produk kami, pengendalian Akaun Kad Kredit anda dan/atau kemudahan dengan kami, dan/atau akan melibatkan kos tambahan dikenakan kepada anda.
- 29.8. Anda berhak untuk memohon secara bertulis:
- a) untuk mendapatkan apa-apa maklumat berkaitan dengan Data Peribadi anda yang kami pegang atau simpan, setelah membayar fi yang ditetapkan;
 - b) supaya apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami dikemaskini, dipinda dan/atau dibetulkan
 - c) supaya kami menghadkan pemprosesan data peribadi anda yang kami pegang atau simpan; dan
 - d) untuk membuat pertanyaa atau aduan berkenaan dengan pemprosesan yang kami buat atas Data Peribadi anda.

Bagi permohonan (a) atau (b), anda boleh memohon kepada kami melalui Borang Permohonan Akses Data (*Data Access Request Form*) atau Borang Permohonan Pembetulan Data (*Data Correction Request Form*). Borang-borang ini boleh didapati di cawangan kami serta di laman web www.uob.com.my.

Semua permohonan anda itu boleh ditujukan kepada mana-mana cawangan kami atau Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Peti Surat Pejabat Pos 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur.

Kami mungkin mengenakan fi bagi tujuan pemprosesan permohonan untuk akses atau pembetulan, kami juga boleh menolak untuk memenuhi permohonan anda bagi (a) atau (b) di atas jika maklumat yang diberikan itu tidak memadai (seperti yang ditetapkan oleh kami) atau jika permohonan tersebut melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan atau atas sebab-sebab lain yang kami anggap boleh menjejaskan kepentingan kami. Jika kami menolak permohonan tersebut, kami akan memberitahu anda mengapa kami enggan berserta alasannya.

- 29.9. Anda bertanggungjawab untuk menentukan bahawa maklumat yang anda berikan itu adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat tersebut adalah yang terkini.
- 29.10. Sila ambil perhatian bahawa jika anda kemudiannya menarik balik keizinan untuk memproses Data Peribadi anda seperti yang diberi sebelum ini, oleh sebab kami tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan dalam Notis

Privasi, maka kami berhak untuk tidak menyediakan atau menghentikan penyediaan apa-apa produk, perkhidmatan, Akaun Kad Kredit dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut.

29.11. Kami mempunyai hak untuk meminda Fasal 29 dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlak kami dan akan memberi notis terlebih dahulu secara bertulis kepada anda dan menyiarkan apa-apa pindaan tersebut dalam laman web kami atau meletakkan notis di ruang perbankan atau di lokasi utama dalam cawangan kami atau dengan apa-apa kaedah lain berkomunikasi yang kami anggap bersesuaian.

29.12. Fasal 29 hendaklah tidak menjejaskan apa-apa fasal lain dalam perjanjian ini yang memperuntukkan pendedahan data.

30. TANGGUNG RUGI

Anda bersetuju untuk menanggung rugi kami daripada segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan undang-undang atas dasar tanggung rugi penuh) yang mungkin kami alami atau tanggung dalam menguatkuasakan atau mencuba menguatkuasakan hak-hak kami di bawah Perjanjian ini atau timbul daripada atau bersabit dengan undang-undang atau peraturan percukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

31. SIJIL KEBERHUTANGAN

Sijil yang bertandatangan pegawai kami berkenaan dengan wang, yang buat masa ini, anda berhutang dengan kami, akan menjadi keterangan muktamad yang menyabitkan anda bahawa amaun yang tersebut itu adalah hutang anda untuk semua tujuan, termasuk prosiding undang-undang.

32. NOTIS DAN KOMUNIKASI

32.1. Atas budi bicara mutlak kami boleh menghantar apa-apa Penyata Akaun, notis atau komunikasi kepada anda menerusi salah satu cara berikut:

- a) mel elektronik kepada alamat emel anda yang terakhir diketahui seperti dalam rekod kami;
- b) pos (berdaftar, AR berdaftar, biasa atau selainnya) atau diserahkan dengan tangan atau ditinggalkan di alamat anda yang terakhir diketahui seperti dalam sistem kami
- c) mempamerkan notis itu di cawangan;
- d) menyiarkan notis atau komunikasi dalam laman web rasmi kami di www.uob.com.my;
- e) melalui iklan atau notis umum dalam akhbar harian;

- f) siaran radio atau televisyen atau apa-apa bentuk lain komunikasi media;
- g) faksimili kepada nombor faksimili anda yang terakhir diketahui seperti dalam rekod kami.

32.2. Notis atau komunikasi tersebut akan dianggap sebagai telah diterima oleh anda:

- a) pada masa penghantaran di alamat anda, jika diserahkan dengan tangan;
- b) pada hari ketiga (ke-3)(termasuk hari pengeposan) dari tarikh diposkan, biarpun tidak dapat disampaikan atau dikembalikan;
- c) pada masa penghantaran faksimili itu selesai dilakukan;
- d) pada masa penghantaran elektronik itu selesai dilakukan;
- e) pada masa pengirisan sistem pesanan ringkas (SMS) selesai dilakukan;
- f) pada masa penyiaran dalam laman web kami; atau
- g) pada masa Penyata Akaun dianggap telah diterima oleh anda

32.3. Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa yang mungkin terjadi kepada notis atau komunikasi itu setelah dihantar, sebagai contoh jika mana-mana notis atau komunikasi itu terlewat, dipintas, hilang, gagal sampai atau didedahkan kepada sesiapa semasa dalam transit

32.4. Perubahan butir-butir hubungan:-

- a) Anda bersetuju memberitahu kami serta-merta mengenai sebarang perubahan alamat surat-menyurat/mel atau alamat kediaman dan maklumat hubungan anda ("Maklumat").
- b) Jika anda tidak memberitahu kami akan sebarang perubahan maklumat, anda bersetuju bahawa atas budi bicara mutlak kami bergantung kepada:-
 - i) apa-apa maklumat alamat dan/atau hubungan yang dinyatakan dalam borang permohonan atau seperti yang terdapat dalam rekod kami; atau
 - ii) apa-apa maklumat alamat dan/atau hubungan yang kami perolehi daripada apa-apa komunikasi yang dikatakan dikeluarkan oleh anda kepada kami.
- c) Kegagalan anda memberitahu kami akan perubahan maklumat itu mengakibatkan kelewatan atau ketidakserahan Penyata Akaun, surat-menyurat dan/atau notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan kami di bawah terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

33. PENYIMPANAN REKOD ANDA

Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan menyimpan apa-apa rekod Akaun Kad Kredit anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada borang permohonan Kad Kredit, dokumen transaksi, Penyata Akaun, surat-menyurat atau dokumen yang anda atau mana-mana pihak ketiga beri kepada kami, melebihi tempoh penyimpanan sepertimana ditetapkan di bawah dasar dalaman, garis panduan

dan tata cara kami dan/atau sepertimana diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan berkenaan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

34. PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG

Penyampaian sebarang writ atau saman atau apa-apa proses undang-undang lain bersabit dengan sesuatu tuntutan yang timbul daripada atau berkait dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan ke atas anda melalui pos biasa yang dihantar kepada alamat anda yang terakhir diberitahu kepada kami. Penyampaian tersebut akan dianggap penyampaian yang baik dan memadai kepada anda, walaupun tidak dapat diserahkan atau dikembalikan.

35. FORCE MAJEURE

Sekiranya kami tidak dapat menunaikan sebarang kewajipan kami di bawah Perjanjian ini, atau menjalankan apa-apa operasi atau membekalkan apa-apa perkhidmatan lantaran apa jua sebab di luar kawalan kami, termasuk –

- a) kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam, nahas, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perusahaan, perbuatan terorisme, embargo, peperangan, malapetaka;
- b) kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, bekalan elektrik, air, bahan api; atau
- c) apa-apa keadaan berupa force majeure (sesuatu peristiwa yang menghalang kami daripada menunaikan kewajipan di bawah Perjanjian ini),

kami sama sekali tidak boleh dipertanggungjawabkan atas kegagalan menunaikan tugas atau terhadap sebarang susah payah, kerugian, kecederaan, dan kerosakan yang anda tanggung atau alami secara langsung atau tidak langsung sebagai akibatnya.

36. MASA

Masa menjadi asas dalam Perjanjian ini.

37. PENEPIAN

Kegagalan melaksanakan, atau kelewatan melaksanakan, sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi di pihak kami tidak akan dianggap sebagai penepian, begitu juga pelaksanaan tunggal atau sebahagian sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang lain. Hak dan remedi yang diperuntukkan di dalam ini adalah kumulatif dan bukan eksklusif terhadap sebarang hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.

38. KEBOLEHASINGAN

Ketidaksahan atau ketidakbolehlaksanaan mana-mana peruntukan tidak akan menjejaskan niat tersirat Perjanjian ini, dan peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan adalah boleh asing, dan tidak akan menjejaskan kesahan atau kebolehlaksanaan terma dan peruntukan yang lain, yang akan tetap berkuatkuasa penuh.

39. PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

Hak dan kelayakan kami di bawah Perjanjian ini akan tetap berkuatkuasa penuh, dan akan terus mempunyai kuatkuasa setelah penggunaan Kad Kredit dibatalkan, dimansuhkan atau digantung.

40. PERUBAHAN PERLEMBAGAAN

Terma dan syarat dalam Perjanjian ini akan tetap sah dan terikat untuk semua maksud, biarpun terdapat perubahan dalam perlembagaan kami dan anda, bagi badan korporat disebabkan penyatuan, penggabungan, pembentukan semula, percantuman atau sebaliknya, dan bagi individu, disebabkan kematian.

41. PENYERAHAN HAK

Kami boleh pada bila-bila masa dan tanpa izin anda menyerahkan kesemua atau mana-mana hak, hak milik dan kepentingan kami di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana orang atau badan korporat. Anda tidak boleh menyerah mana-mana hak dan kewajipan anda di bawah Perjanjian ini.

42. UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini adalah tertakluk dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia, dan tanpa boleh mansuh anda:–

- a) Tunduk kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia;
- b) Mengetepikan sebarang bantahan atas alasan tempat, forum, tiada keselesaan atau apa-apa alasan yang serupa; dan
- c) Membenarkan penyampaian proses melalui pos biasa atau dengan apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh Perjanjian ini dan/atau mana-mana undang-undang berkaitan.

43. PENGGANTI TERIKAT

Waris dan wakil peribadi anda serta pemegang serah hak dan pengganti hak milik kami adalah terikat dengan Perjanjian ini.

TERMA & SYARAT AUTOPAY BILL UOBM

1. AutoPay Bill UOBM adalah terbuka kepada semua Ahli Kad (“Ahli Kad”) Visa dan/atau MasterCard United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”) dan tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
2. Setelah permohonan Perkhidmatan ini Ahli Kad diluluskan oleh UOBM, semua amaun yang terhutang dan perlu dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan (“Caj”) dan terhutang kepada Pembekal Perkhidmatan yang dinyatakan oleh Pemegang Kad di dalam permohonan ini (“Pembekal Perkhidmatan”), akan didebitkan daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad yang dikekalkan dengan UOBM (“Akaun Kad Kredit”).
3. Pengaktifan transaksi autodebit yang pertama (“Tarikh Pengaktifan”) memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) bulan daripada tarikh permohonan Perkhidmatan Ini. Walaupun UOBM akan cuba sedaya upaya untuk menuntut bayaran untuk Caj tersebut, UOBM tidak bertanggungjawab untuk membuat pembayaran tersebut sepanjang masa ataupun pada tempoh masa yang ditetapkan.
4. UOBM tidak akan menanggung sebarang liabiliti jika terdapat kesilapan, kecuaiian, penafian atau pengecualian untuk membuat atau penangguhan sebarang atau semua bayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan. UOBM juga tidak bertanggungjawab untuk sebarang tindakan, kelewatan atau pengecualian pihak Pembekal Perkhidmatan sepanjang tempoh penggunaan Perkhidmatan Ini.
5. Semua Ahli Kad yang mendaftar untuk perkhidmatan ini mesti memerhatikan had kreditnya pada setiap masa dan Akaun Kad Kredit yang dikekalkan dengan UOBM mesti dikendalikan oleh Ahli Kad dari semasa ke semasa dan dalam keadaan yang memuaskan.
6. Jika Akaun Kad Kredit Ahli Kad dihentikan tanpa ditamatkan atau dibatalkan sebelum pembayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan yang ditetapkan, UOBM akan menghentikan semua pembayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan. Jikalau berlaku peristiwa tersebut, Ahli Kad akan bertanggungjawab untuk terus membayar semua Caj yang patut dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan dan UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang ganti rugi atau kerugian yang disebabkan oleh peristiwa ini.
7. Apabila penggantungan Kad Kredit Ahli Kad telah dibatalkan dan telah beroperasi dengan sepenuhnya, Ahli Kad mesti memberi surat bertulis kepada UOBM untuk bersambung dengan perkhidmatan ini. Selepas menerima surat bertulis ini, UOBM dengan budi bicara mutlaknya berhak untuk mengaktifkan pembayaran Caj seterusnya kepada Pembekal Perkhidmatan.
8. Jika Kad Kredit Ahli Kad telah dibatalkan, ditarik balik atau dihentikan oleh UOBM untuk sebarang sebab yang mungkin, UOBM akan menghentikan semua pembayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan akan dihentikan secara automatik. Pembekal Perkhidmatan secara langsung dan UOBM tidak akan menanggung sebarang liability untuk ganti rugi dan kerugian yang timbul seterusnya akibat peristiwa tersebut.

9. Sekiranya Kad Kredit Ahli Kad dinaik tarafkan, diturun tarafkan atau ditukarganti dengan nombor kad yang berlainan, pembayaran Caj Perkhidmatan ini untuk Pembekal Perkhidmatan di bawah sahaja akan dipindahkan secara langsung ke Kad Kredit yang dinaik tarafkan/ diturun tarafkan/ ditukar ganti dan didebitkan daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad tanpa rujukan lanjutan pada Ahli Kad:-
- i) Telekom Malaysia
 - ii) Tenaga Nasional Berhad
 - iii) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
10. Ahli Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat mengenai pembatalan arahan pembayaran oleh Ahli Kad sebelum sebarang pembayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan. UOBM tidak bertanggungjawab atas sebarang ganti rugi atau kerugian yang disebabkan oleh kelewatan Ahli Kad untuk memaklumkan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat mengenai pembatalan pembayaran ini dan jika sebarang Caj didebitkan oleh UOBM daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad, ia akan ditanggung oleh Ahli Kad.
11. Tanpa mengambil kira sebarang tindakan atau pengecualian pembayaran Caj yang terlebih atau kurang oleh UOBM kepada Pembekal Perkhidmatan yang terlibat. Caj ini akan didebitkan daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad oleh UOBM dan akan ditanggung oleh Ahli Kad.
12. UOBM tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tindakan, pembatalan, kecacatan atau kekurangan dalam Perkhidmatan ini atau atas kekurangan dalam Perkhidmatan ini atau atas kekurangan pembayaran caj atau sebarang amaun caj yang terlebih bayar kepada Pembekal Perkhidmatan yang terlibat. Sekiranya Ahli Kad mempertikaikan tindakan, pengecualian, kecacatan atau ketidaksempurnaan Perkhidmatan ini. Ahli Kad haruslah menyelesaikan pertikaian ini dengan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat.
13. Sekiranya berlaku sebarang situasi, peristiwa atau pertikaian yang timbul atas apa jua sebab, Ahli Kad dikehendaki menjelaskan semua amaun bayaran yang masih terhutang kepada UOBM yang telah didebitkan daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad untuk bayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan.
14. Tanpa mengambil kira sebarang pertikaian yang telah atau belum diselesaikan antara Ahli Kad dan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat, caj yang telah didebitkan oleh UOBM ke Akaun Kad Kredit Ahli Kad dianggap muktamad dan ditanggung oleh Ahli Kad dan Ahli Kad tidak berhak untuk menuntut Caj yang dipertikaikan antara Ahli Kad dan Pembekal Perkhidmatan daripada UOBM.
15. Tertakluk kepada klausa 17, jikalau Pembekal Perkhidmatan yang terkandung di sini berhenti menyertai Perkhidmatan ini atau Ahli Kad ingin membatalkan Perkhidmatan ini ("Pembatalan"), mana-mana pihak yang ingin membuat pembatalan Perkhidmatan ini bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak yang terlibat. Sebarang Pembatalan Perkhidmatan ini tidak akan membatalkan Perjanjian Pemegang Kad Visa/MasterCard UOBM antara UOBM dan Ahli Kad.

16. Walaupun Ahli Kad meninggal dunia atau muflis, terma dan syarat untuk Caj yang dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan yang terlibat akan kekal dan berkuatkuasa sehingga UOBM menerima notis sah mengenai peninggalan atau kemuflian Ahli Kad. Tanpa prejudis kepada klausa 17 yang terkandung di sini. Perkhidmatan ini akan ditamatkan dan dibatalkan setelah menerima notis penamatan (“Penamatan”) tersebut.
17. Perkhidmatan ini adalah sah selagi UOBM tidak menerima apa-apa notis Pembatalan daripada Pembekal Perkhidmatan atau notis Penamatan mengenai peninggalan atau kemuflian Ahli Kad. Jika Perkhidmatan ini dibatalkan berdasarkan klausa 15 atau ditamatkan berdasarkan klausa 16 sebelum penghabisan dua belas (12) bulan (“Tempoh Perkhidmatan Minimum”) dari Tarikh Pengaktifan, UOBM dengan budi bicara mutlaknya akan:
 - i) Menamatkan dan menghentikan semua pembayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan;
 - ii) Mendebitkan caj perkhidmatan sebanyak RM30.00 daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad untuk setiap satu Perkhidmatan kepada Pembekal perkhidmatan berkenaan yang dihentikan atau dibatalkan;
 - iii) Selepas itu, Perkhidmatan ini dan kewajipan UOBM untuk membuat pembayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan akan ditamatkan.
18. Ahli Kad mesti memaklumkan Pembekal Perkhidmatan tertentu dengan segera jika terdapat perubahan nombor Kad Kredit Ahli Kad termasuk kad kredit baru yang dikeluarkan di bawah “kad hilang” atau “pengubahsuaian”. UOBM tidak bertanggungjawab sekiranya Pembekal Perkhidmatan tidak menerima notis berkenaan perubahan tersebut daripada Pemegang Kad yang mungkin menyebabkan ketidak bayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan tersebut.
19. Ahli Kad dengan nyatanya memberi kebenaran dan hak kepada UOBM untuk mendedahkan atau memberi maklumat-maklumat Ahli Kad kepada Pembekal Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ahli Kad dan tiada kebenaran selanjutnya dari Ahli Kad diperlukan dan UOBM tidak menanggung sebarang liabiliti dalam pendedahan maklumat tersebut.
20. Pembekal Perkhidmatan yang terkandung di sini boleh mengenakan Terma dan Syarat yang tersendiri untuk perkhidmatan “autopay”nya dan Terma dan Syarat tersebut akan digunakan (dengan perubahan jika ada) dengan notis terdahulu sebanyak 21 hari.
21. Terma dan Syarat yang terkandung di sini adalah sebagai imbuhan kepada dan bukan pengurangan pada Perjanjian Pemegang Kad Visa/MasterCard UOBM kini dan selanjutnya yang wujud di antara Ahli Kad dan UOBM.
22. Bayaran kepada Tenaga Nasional Berhad adalah tertakluk kepada amaun bil bulanan yang tidak melebihi RM3,000.00 untuk setiap Ahli Kad.
23. Untuk akaun Maxis yang bukan di bawah nama Ahli Kad, pemegang akaun Maxis dikehendaki memberi surat kuasa, salinan Kad Pengenalan dan salinan penyata akaun Maxis, sewaktunya memberi kuasa kepada Ahli Kad untuk pendaftaran akaun Maxis tersebut untuk Perkhidmatan ini.

24. Sekiranya berlaku konflik atau pencanggahan antara Terma dan Syarat dengan sebarang surat pengubahan, pembedulan, pembatalan atau pemberitahuan dan peruntukan yang terkandung di sini, surat bertulis tersebut akan digunakan.
25. Klausula 24 yang terkandung di sini akan dikekalkan walaupun berlaku pembatalan atau penamatan Perkhidmatan ini.
26. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.